



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

EDISI  
BIL. 3  
2024

PAMERAN | EXHIBITION

# Pesona Telepuk

# The Museum

Berita Jabatan Muzium Malaysia

**SENI PERADA EMAS**  
*Telepuk: The Art of Gold Leaf*



Jabatan Muzium Malaysia



jabatanmuziummalaysia



Jabatan Muzium Malaysia



museumsmalaysia

# Lidah Pengarang



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya, Berita JMM Jilid 44 Bil. 3/2024 berjaya diterbitkan bagi merekodkan aktiviti dan pencapaian semasa JMM.

Pada sukuan ketiga ini, momentum JMM diteruskan dengan pendekatan yang pelbagai sama ada melalui konsep *whole of government approach* iaitu kolaborasi antara agensi dan kementerian atau penglibatan bersama agensi swasta dan NGO. Ini telah merealisasikan beberapa program termasuklah Pameran Hari Songket Malaysia di Washington D.C, Festival Anak Sarawak, Festival Rendang dan sebagainya. Kerjasama dan jaringan hubungan yang kukuh ini merupakan antara strategi dalam memperkasa promosi dan pemasaran muzium.


Seiring dengan ledakan *emerging technologies*, JMM turut mengadaptasi dan menerokai inovasi digital sebagai penggerak utama dalam mereformasikan proses kerja di samping memperkukuh penyampaian maklumat kepada masyarakat. Melalui pendekatan baharu yang lebih

kreatif, inklusif, dan kompetitif seperti penggunaan platform aplikasi *virtual reality* (VR), *multimedia augmented reality* atau realiti terimbuh (AR) 2D dan 3D, *interactive wall*, *digital imaging*, *immersive technology* dan sebagainya mampu meningkatkan kefahaman dan menarik minat masyarakat terhadap kepentingan sejarah dan warisan bangsa.

Saya berharap semua kakitangan terus komited untuk cabaran yang lebih besar pada tahun 2025 yang menyaksikan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN. Seiring dengan ini, JMM perlu bersedia untuk mengetengahkan produk-produk muzium yang berkualiti dan berimpak kepada pemegang taruh dan khalayak. Setinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang telah berganding bahu dan memberikan komitmen kepada jabatan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi serta semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan penerbitan Berita JMM Bil. 3/2024 ini.

**Mohamad Shawali bin Haji Badi**  
Timbalan Ketua Pengarah Dasar  
Jabatan Muzium Malaysia

## Editorial



**RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN**  
POSTER PAMERAN PESONA  
TELEPUK: SENI PERADA EMAS

### PENASIHAT

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

### KETUA EDITOR

Mohd Razaimi bin Hamat

### EDITOR

Mohd Khairill bin Jemangin  
Nor Hafizzah binti Abdul Rahman

### PENYELARAS

Rozlinah binti Ismail  
Azila binti Rohani@Rosani  
Roseanida binti Abdul Kadir

### FOTOGRAFI

Unit Sumber Media

### EDARAN

Unit Dokumentasi

### DITERBITKAN OLEH

**Jabatan Muzium Malaysia**

Jalan Damansara

50566 Kuala Lumpur

Tel : (+603) 2267 1000,

(+603) 2282 6255

Faks : (+603) 2282 6434

<https://www.jmm.gov.my>

### DICETAK OLEH

Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd

No.50 &52A, Jalan Seri Aman,

Taman Seri Aman,

43200 Cheras Selangor.

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali.

Berita ini boleh dimuat turun daripada laman web JMM.

- 04** PAMERAN PESONA TELEPUK: SENI PERADA EMAS
- 06** NOSTALGIA ANAK KAMPUNG
- 08** MAJLIS PERASMIAN DAN SESI *WALKABOUT* PAMERAN CITRA MALAYSIA DALAM SENI MINIATUR
- 09** PROGRAM SEMARAK@MUZIUM SUNGAI LEMBING 2024
- 10** PESTA GALAKAN MEMBACA KEMERDEKAAN SEMPERNA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
- 11** • PROGRAM BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2024 DI SK BRICKFIELDS 1 BERSAMA MUZIUM NEGARA  
• PROGRAM BICARA@MUZIUM ADAT: MENGENALI PERAYAAN MASYARAKAT INDIA DAN SIKH DI MALAYSIA
- 12** PROGRAM SEMARAK@MUZIUM MATANG
- 13** • PROGRAM SEMARAK @ MUZIUM KOTA KUALA KEDAH  
• PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM) DI MUZIUM MATANG
- 14** PROGRAM SEMPERNA PAMERAN PESONA TELEPUK, SENI PERADA EMAS DI MUZIUM TEKSTIL NEGARA
- 15** • SEMINAR SEJARAH ALAM SEMULA JADI 2024  
• PROGRAM IPIM SIRI 1/2024 MUZIUM NEGARA BERSAMA SK SEKSYEN 19, SHAH ALAM
- 16** • *OUTREACH* PROGRAM MUZIUM PERAK@ KOMUNITI  
• PROGRAM *OUTREACH* KENALI MUZIUM ALAM SEMULA JADI DI SK TAMAN PERMATA, KUALA LUMPUR
- 17** CITRA NUSA @ MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG
- 18** • PROGRAM JANGKAUAN LUAR KENALI MUZIUM ALAM SEMULA JADI – KESEDARAN KHAZANAH ALAM  
• PROGRAM KEMBARA CITRA SEJARAH DAN GEOWARISAN LABUAN 4.0
- 19** PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM DI MUZIUM PERAK
- 20** BERITA BERGAMBAR
- 23** • PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM@MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG  
• PROGRAM MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL @ KOMUNITI 2024 (2 SIRI)
- 22** FESTIVAL WARISAN SABAH
- 24** • MUZIUM NEGARA DESTINASI PILIHAN SEMASA CUTI SEKOLAH  
• SEMINAR SUNDANG DAN PERUBATAN TRADISIONAL & KECANTIKAN MELAYU
- 25** • TAKSIDERMI BURUNG JAMPUK KUBUR (*TYTO ALBA*)  
• *OUTREACH* PAMERAN SEJARAH ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG
- 26** • PROGRAM *OUTREACH* KENALI MUZIUM ALAM SEMULA JADI DI SMK BANDAR BARU SERI PETALING, KUALA LUMPUR  
• TEMASYA RENDANG, LEMANG DAN KETUPAT
- 27** • JOM PAKAI SEMUTAR  
• JUALAN BUKU SEMPERNA PROGRAM BORNEO ARTS FESTIVAL 2024
- 28** • PROGRAM FESTIVAL ANAK SARAWAK & TEMASYA KUIH 2024  
• JOM MAIN PERMAINAN TRADISIONAL 2024
- 29** • PROGRAM KRAFTIFAK : GRAFITI BEG ARTIFAK  
• PROGRAM IPIM MUZIUM SUNGAI LEMBING 2024
- 30** • MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KHAS DATUK BANDAR KUALA LUMPUR: PENCAHAYAAN BANGUNAN BANDAR RAYA KUALA LUMPUR 2024  
• LAWATAN KERJA RASMI YB DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH, AHLI PARLIMEN PAYA BESAR KE MUZIUM SUNGAI LEMBING.
- 31** HARI KELUARGA JABATAN MUZIUM MALAYSIA 2024
- 32** KEUNIKAN SAPE: MEMPERKAYA WARISAN MUZIK TRADISIONAL MALAYSIA
- 33** • HALATUJU TINGGALAN WARISAN SEJARAH SUNGAI LEMBING  
• PINTU GERBANG KACAPURI
- 34** MENYINGKAP SEJARAH RANGKA PAUS *BALEAENOPTERA INDICA* DI MUZIUM MARIN LABUAN
- 36** • MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1446H/2024M DI JABATAN MUZIUM MALAYSIA  
• PERSIDANGAN TAHUNAN AGAMA PUSPANITA
- 37** • PROGRAM DISIPLIN KENDIRI *RIDE TO CAMERON HIGHLANDS*  
• PROGRAM SANTAI JORAN JMM@SEA LION 2024
- 38** • GERABAK KERETA API BERKEMBAR  
• TEKATAN CIUR / TIKAR CIUR
- 39** POSTER MUSRA



# PAMERAN Pesona Telepuk

SENI PERADA EMAS Oleh: Salmiahwati binti Djafar, Muzium Tekstil Negara



**KUALA LUMPUR** - Telepuk merupakan salah satu teknik menghasilkan motif dan ragam hias pada tekstil yang memerlukan kepakaran, kemahiran yang halus dan ilmu pengetahuan yang tinggi. Keindahan dan kehalusan kain telepuk menjadikan tekstil ini mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat suatu waktu dahulu dan hanya dipakai oleh golongan istana dan bangsawan sahaja. Namun kini, seni telepuk ini kian dilupakan dan kemahiran ini semakin pupus hilang ditelan zaman.

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi Muzium Tekstil Negara (MTN) dengan kerjasama Yayasan Hasanah dan disokong oleh Pergerakan Langkasuka dan Lamar Dollar Sdn. Bhd. telah menganjurkan **Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas** yang secara rasminya dibuka kepada orang ramai bermula pada **28 Oktober sehingga 31 Disember 2024** bertempat di **Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara**. Majlis perasmian pameran ini telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu pada 7 November 2024 di Dataran Muzium Tekstil Negara. Turut hadir bersama ialah YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Kementerian Perpaduan Negara (KPN), YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KPN, YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha KPN, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah JMM, serta barisan pengurusan tertinggi KPN dan JMM.





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah berkenan melawat galeri Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas.

Pameran ini secara eksklusif memperagakan sebanyak 183 koleksi yang terdiri daripada 49 koleksi tekstil telepuk; 130 koleksi sarang atau cap telepuk dan 4 buah manuskrip dan penerbitan buku milik Jabatan Muzium Malaysia dan rakan-rakan kerjasama pameran ini. Antara rakan sinergi yang turut sama merealisasikan pameran ini antaranya ialah Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Galeri Diraja Sultan AbdulAziz, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Perbadanan Muzium Negeri Terengganu, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, Yayasan Warisan Johor, Encik Norhaiza Noordin dan para artisan di bawah Pergerakan Langkasuka.

Menariknya pada pameran ini, koleksi-koleksi telepuk milik kerabat diraja dipersembahkan untuk tatapan umum. Antaranya ialah Baju sikap bertelepuk milik Almarhum Sultan Sir Abdul Samad, Sultan Selangor ke-4, yang dipercayai dipakai oleh Baginda sekitar tahun 1850-an, dianggarkan berusia 170 tahun; Baju Sikap bertelepuk yang pernah dipakai oleh Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah ke-26 semasa menghadiri Istiadat Pertabalan King George V di London pada tahun 1911; baju kebaya Selangor bertelepuk milik Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor yang dipakai oleh Baginda semasa Hari Keputeraan Sultan Selangor ke-75 pada tahun 2021 dan beberapa koleksi diraja milik waris Che Menjalara, iaitu isteri kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah ke-26, juga bonda kepada Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Koleksi-koleksi ini disimpan baik dan dijaga rapi oleh institusi permuziuman negara, selaras dengan peranan muzium sebagai *guardian of heritage* agar material budaya ini dapat terus dipelihara, dipulihara dan dilestarikan untuk tatapan generasi akan datang.

Pameran ini juga disemarakkan lagi dengan penganjuran beberapa program dan aktiviti sepanjang pameran ini berlangsung. Antaranya ialah program perkongsian ilmu seperti program Bicara Telepuk: Sejarah & Kelestariannya dan webinar yang diadakan secara fizikal dan secara dalam talian; bengkel dan demonstrasi asas gerus dan telepuk; serta program sisipan seperti aktiviti menangkap motif sarang telepuk dan jom kenal motif telepuk. Program-program ini khusus untuk memperkenalkan semula seni telepuk dan melahirkan artisan baharu yang mampu menghidupkan semula kesenian ini. Semoga dengan penganjuran pameran ini dapat mengukuhkan usaha memartabatkan seni warisan, budaya dan tradisi bangsa yang menjadi medium integrasi perpaduan kaum serta memantapkan fungsi muzium ke arah pembentukan masyarakat yang sejahtera dan harmoni.

# Belangsukawa

إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

" SESUNGGUHNYA KAMI ADALAH KEPUNYAAN ALLAH DAN KEPADA ALLAH JUALAH KAMI KEMBALI "



## ALLAHYARHAM NORHAIZA BIN NOORDIN

Pada 19 Disember 2024 yang lalu, dunia penggiat seni dan budaya tanah air telah digemparkan dengan kehilangan seorang permata dan adiguru seni ukiran halus, iaitu Allahyarham Norhaiza bin Noordin, atau lebih dikenali dengan panggilan sebagai "Abang Ja".

Abang Ja merupakan anak jati Besut, dilahirkan dan dibesarkan di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Minat beliau yang sangat mendalam dalam seni ukiran kayu telah membawa beliau untuk menerokai, mendalami dan mempelajari seni ini dengan menuntut ilmu bersama enam orang guru seni ukir kayu di sekitar negeri Terengganu dan Kelantan. Pengalaman dan kepakaran yang dimiliki beliau selama lebih 30 tahun dalam seni ukiran kayu telah melayakkan beliau untuk diiktiraf sebagai **Adiguru Seni Ukiran Halus** pada tahun 2011 dan **Tokoh Kraf Negara** pada tahun 2022.

Bersempena dengan Pameran Telepuk: Seni Perada Emas yang telah berlangsung di Muzium Tekstil Negara, Jabatan Muzium Malaysia, pihak jabatan berkesempatan membuat peminjaman beberapa koleksi peribadi Allahyarham untuk dipamerkan. Beliau turut membantu dalam proses mengenalpasti nama-nama koleksi sarang telepuk milik Jabatan Muzium Malaysia dan menjadi panel penceramah menerusi program Bicara Telepuk: Sejarah dan Kelestarian.

Pemergian beliau sememangnya satu kehilangan besar buat negara dan dunia permuziuman. Semoga Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman.

Al-fatihah.

# Nostalgia Anak Kampung

## DUNIA ANAK BENDANG

Oleh: Nor Hanisah binti Ahmad, Muzium Negara

PROGRAM UTAMA



**KANGAR** – Suasana kemeriahan dan riuh rendah sorakan orang ramai tidak mungkin dapat dilupakan bagi para pengunjung yang menyertai acara sukan bendang sempena Program Nostalgia Anak Kampung (NAK) pada tahun ini. Program ini merupakan *signature* program Muzium Negara dan salah sebuah program utama di bawah Citra Nusa@ Muzium yang disokong penuh oleh Kementerian Perpaduan Negara. Pada tahun ini, buat julung kalinya Muzium Negara telah membawa program ini ke Muzium Kota Kayang, Perlis dan mengangkat tema '**Dunia Anak Bendang**' bagi menggamit memori kehidupan masyarakat kampung yang tinggal di kawasan bendang. Program ini diadakan pada 15 hingga 17 November 2024 dan telah dirasmikan oleh Dato' Rahimi bin Ismail, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Turut hadir bersama dalam majlis ini ialah YB Tuan Haji Zepri bin Saad, Pegawai Kewangan Negeri Perlis dan YB Tuan Asrul Aimran bin Abd Jalil, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis. Pemilihan lokasi tersebut adalah disebabkan oleh keupayaan pakej lawatan muzium yang menarik dan kesesuaian tema program dengan ketersediaan bentuk muka bumi sedia ada di Muzium Kota Kayang.

Pengisian program NAK ini telah dibahagikan kepada empat kluster yang menentangkan pelbagai aktiviti melibatkan hobi masa lapang, aktiviti seni budaya, hiburan anak kampung, acara sukan bendang, gastronomi bendang dan sebagainya. Zon pertama adalah zon pameran, perkhidmatan dan jualan kepada rakyat seperti booth pameran daripada Lembaga Muzium Negeri Kedah, Lembaga Muzium Negeri Perak, PERZIM, Melaka, Yayasan Warisan Johor (YWJ), LPPKN, PTPTN, Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Persatuan Kebajikan Siam Bersatu (KESITUS) Negeri Perlis, Jabatan Kesihatan, Jualan Rahmah, Jualan kraf

dan jualan pelbagai produk IKS oleh KRT. Pelbagai aktiviti demonstrasi, DIY dan interaktif turut diadakan di setiap booth agensi masing-masing. Pengisian ini adalah bertujuan untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan juga membuka peluang kepada masyarakat untuk menjana pendapatan. Seramai 15 orang pengusaha telah turut serta di dalam jualan dan menyediakan perkhidmatan di dalam program selama tiga hari ini dan telah memberikan jumlah hasil pendapatan penjaja sebanyak RM 41,883.

Zon kedua adalah zon aktiviti pentas yang menyediakan aktiviti-aktiviti melibatkan komuniti setempat seperti Senam Sihat, pelbagai pertandingan seperti Busana Anak Kampung Cilik, Memasak Cekodok Pisang, Pertandingan Kopi Tarik, Pertandingan Mewarna Keluarga Madani, Pertandingan Gubahan Sirih Junjung, Pertandingan Nyanyian Lagu Irama Malaysia, Pertunjukan Seni Bela Diri Pelbagai Kaum (Silat, Wushu, Silambam), Persembahan Kebudayaan Pelbagai Kaum dan Persembahan Hiburan Anak Kampung. Manakala di zon ketiga telah diadakan pelbagai aktiviti sukan bendang seperti Fun Walk Anak Kampung, Jom Cuba Menumbuk dan Menampi Padi dan Bengkel Anyaman Belalang. Antara acara sukan bendang lain yang mendapat sambutan adalah pelbagai pertandingan seperti Gagau Ikan, Lari Dalam Bendang, Mencipta Orang-orangan, Pertandingan Memancing, Tangkap Itik, Tarik Tali Bendang, Gerek Bendang, Serkap Ikan, Bola Sepak Bendang dan Pertandingan Sepakan Penalti. Terdapat pelbagai hadiah menarik telah disediakan kepada para peserta yang menyertai setiap acara dan pertandingan. Zon keempat pula adalah zon keluarga yang telah menyediakan pelbagai aktiviti seperti *Petting Zoo*, pameran dan jualan Ikan Laga, permainan tradisional, Pertandingan Seni Suara Burung, Kecantikan Ayam Serama



dan Pertandingan Lastik.

Program ini telah berjaya menarik hampir 10,000 orang pengunjung dalam tempoh tiga hari ia diadakan. Inisiatif ini menjadikan ia satu program yang berimpak tinggi dan berpotensi untuk menarik minat pengunjung di samping mengembalikan kemeriahan kehidupan masyarakat di kampung yang semakin dilupakan oleh generasi masa kini. Program ini telah diangkat sebagai satu lagi inisiatif bukan sahaja untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat malah merancakkan lagi aktiviti pelancongan dan kebudayaan setempat. Di samping itu, ia juga dapat mendidik masyarakat tentang nilai budaya, identiti dan jati diri kepada generasi muda agar ia tidak terus terhakis oleh arus pemodenan. Berdasarkan daripada 981 orang yang telah mengisi borang kajian impak, didapati seramai 962 orang (98.06%) faham mengenai Malaysia sebuah negara berbilang etnik dan agama serta seramai 967 orang (98.57%) sangat menghormati amalan kehidupan rakan etnik lain.

Diharap penganjuran program NAK pada tahun ini dapat memberi pengetahuan dan pengalaman kepada seluruh masyarakat pelbagai bangsa dari dalam mahupun luar

negara mengenai cara hidup dan sosio budaya sebagai anak kampung melalui penglibatan di dalam pelbagai pengisian program bersesuaian dengan tema semasa yang dirangka oleh pihak Muzium Negara. Seramai 675 orang (69.9%) amat berpuas hati dengan keseluruhan program Citra Nusa@ Muzium ini dan seramai 627 orang (65.2%) mendapati program ini bersesuaian dengan jangkaan mereka. Manakala seramai 960 orang (98.8%) telah mengesyorkan program ini kepada rakan atau keluarga mereka.

Selain itu, program ini juga mewujudkan satu jaringan kerjasama bersinergi dalam kalangan pengamal industri per muzium, agensi awam dan swasta untuk memartabatkan tradisi budaya dan membudayakan masyarakat untuk mengunjungi muzium. Kata orang "tak kenal, maka tak cinta". Berdasarkan kajian impak yang telah dijalankan juga mendapati orang ramai menyarankan agar program ini dijadikan sebagai acara tahunan bagi memberi peluang lebih ramai untuk menyertainya. Melalui sambutan yang sangat baik daripada orang ramai, Muzium Negara percaya bahawa pengisian program Dunia Anak Bendang ini akan menjadi permulaan dan juga signature program di Muzium Kota Kayang kelak.

**JELEBU** - Pada 7 November 2024 telah berlangsung majlis perasmian Pameran Citra Malaysia Dalam Seni Miniatur yang bertempat di perkarangan Muzium Adat, Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Puan Nicole Tan Lee Koon, EXCO Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sembilan. Antara tetamu kenamaan dan jemputan yang turut hadir ialah ADUN Klawang, YB Ir. Dato' Haji Bakri bin Sawir, Encik Foo Loke Kee, pengasas WCO Holdings Sdn. Bhd., Ketua Polis Daerah Jelebu, Superitendan Azizan bin Said, pegawai-pegawai Jabatan Muzium Malaysia, kakitangan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) Jelebu, ahli-ahli Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kuala Klawang dan rakan-rakan media.

Usai majlis perasmian, EXCO Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sembilan bersama-sama dengan tetamu kenamaan dan jemputan lain meluangkan masa dalam sesi *walkabout* Pameran Citra Malaysia Dalam Seni Miniatur di Ruang Seminar, Aras 4, Muzium Adat. Pameran dengan tema Perpaduan Dalam Kepelbagaian merupakan satu usaha kerjasama Muzium Adat dengan pihak WCO Holdings Sdn. Bhd. dan dibuka untuk lawatan umum mulai dari 7 November 2024 hingga 31 Disember 2024. Objektif pameran ini ialah untuk mengetengahkan identiti budaya, warisan dan keunikan masyarakat

berbilang kaum di Malaysia dalam seni miniatur serta menyatukan masyarakat dan tradisi selain menggalakkan persefahaman antara budaya yang berbeza.

Empat segmen disajikan dalam pameran ini iaitu Segmen Citra Malaysia Dalam Seni Miniatur merupakan segmen pengenalan, segmen Seni Busana Tradisional, segmen Budaya Gastronomi dan segmen terakhir, Budaya Sebagai Identiti. Sebanyak 218 koleksi miniatur yang menarik dipamerkan untuk tatapan umum iaitu 61 set figura etnik dengan busana tradisional, 140 koleksi makanan warisan dan 17 koleksi diorama cara hidup, seni bina dan kebudayaan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Selain itu, bersempena pameran ini Muzium Adat turut mengadakan dua sesi aktiviti seni membuat miniatur makanan yang menyasarkan penyertaan kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun dengan tenaga pengajar didatangkan khas dari Galeri Seni Budaya WCO. Menerusi aktiviti ini, kanak-kanak berpeluang mempelajari dan membuat miniatur makanan Malaysia seperti nasi lemak, sate dan kuih-muih dengan menggunakan bahan dan peralatan yang disediakan.

Penganjuran pameran ini secara tidak langsung diharap akan dapat memupuk persefahaman dan mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum selain menambah ilmu pengetahuan, memupuk semangat cintakan nilai kebudayaan dan kesenian terhadap tradisi dan budaya pelbagai kaum di Malaysia.

## Majlis Perasmian DAN SESI WALKABOUT PAMERAN CITRA MALAYSIA DALAM SENI MINIATUR

Oleh: Hayati binti Mohamad Zawawi, Muzium Adat



Antara koleksi miniatur yang dipamerkan dalam Pameran Citra Malaysia Dalam Seni Miniatur.



Peserta-peserta aktiviti seni membuat miniatur makanan menunjukkan miniatur nasi lemak yang dihasilkan.

# Program SEMARAK@

## MUZIUM SUNGAI LEMBING 2024

Oleh: Wahidayu A Wahab, Muzium Sungai Lembing

**KUANTAN, PAHANG** – Program Semarak@Muzium Sungai Lembing telah berlangsung pada 28 & 29 September dengan tema 'Muzium Dan Pendidikan'. Objektifnya adalah untuk menyebarkan dan memartabat peranan muzium sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal dan memberi peluang kepada masyarakat untuk mengunjungi dan mengenali Muzium Sungai Lembing dengan lebih dekat. Program berkonsepkan pendidikan yang disasarkan kepada pelajar-pelajar sekolah dan insititut pengajian tinggi serta masyarakat sekitar daerah Kuantan ini telah berjaya mencatatkan seramai 5,000 orang pengunjung.

Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara dengan diiringi YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia (JMM); YBrs. Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman); YBrs. Encik Hisamudin bin Mohd Tamim, Pengarah, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan (POLISAS) dan beberapa orang tetamu khas lain termasuklah YH. Dato' Safariah Awang Ngah, Ketua Wanita UMNO Bahagian Paya Besar; wakil-wakil dari agensi kerajaan dan swasta, para penerima sijil penghargaan Rakan Sinergi MSL 2024 dan komuniti Sungai Lembing. Program ini turut melibatkan penyertaan oleh 50 orang sukarelawan yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar POLISAS.

Program Semarak pada kali ini padat dengan beberapa aktiviti dan pengisian yang menarik seperti pameran, jualan produk, pertandingan serta cabutan bertuah. Pameran

oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta telah dijayakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pahang, Arkib Negara Malaysia Negeri Pahang, Tourism Malaysia Cawangan Wilayah Timur, Tourism Pahang, Majlis Bandaraya Kuantan, Balai Bomba Dan Penyelamat Indera Mahkota Kuantan, Kolej Matrikulasi Pahang, Kompleks Penjara Bentong dan Kemves Studio.

Antara aktiviti pada hari pertama ialah pertandingan memasak sajian kampung kategori sekolah menengah, pertandingan memasak kuih cara manis yang melibatkan Pusanita Kementerian Perpaduan Negara dan POLISAS, pertandingan gubahan sayur-sayuran dan buah-buahan, pertandingan eksplorasi El-Dorado dan sukan rakyat melibatkan penyertaan oleh pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah sekitar Kuantan. Pada hari kedua pula telah dilangsungkan acara 'Fun Ride & Run', pertandingan bercerita bertemakan 'Kisah dan Tauladan' bagi kategori sekolah rendah dan pertandingan nyanyian solo retro 80-an.

Selain itu, terdapat juga aktiviti persembahan 'Pocket Show', 'Doodle Art', 'Petting Zoo', demonstrasi produk Orang Asli Sungai Mas dan pelbagai hadiah cabutan bertuah turut disediakan kepada pengunjung. Antara yang paling mencuri tumpuan pengunjung ialah demostrasi penggunaan alat pemadam api oleh para anggota bomba dari Balai Bomba Dan Penyelamat Indera Mahkota, Kuantan. Tidak ketinggalan pameran sementara bertajuk 'Pameran Pai Naa' yang memaparkan koleksi gambar lama keluarga pengurus lombong bijih timah Sungai Lembing, V.B.C. Baker.





## PESTA GALAKAN MEMBACA KEMERDEKAAN SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Oleh: Zainon Halon, Muzium Chimney

**LABUAN** – Bersempena dengan sambutan Bulan Kebangsaan 2024, Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan telah menganjurkan Pesta Galakan Membaca Kemerdekaan yang bertujuan menyemarak rasa cinta kepada negara disamping mencungkil bakat ahli-ahli jawatankuasa pusat sumber sekolah serta memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar. Program kelolaan Unit Perkhidmatan Sumber Pendidikan (SSTP) ini telah diadakan pada 16 Ogos hingga 16 September 2024 di beberapa buah sekolah rendah dan menengah di Wilayah Persekutuan Labuan. Pelbagai pertandingan telah diatur dan dilaksanakan antaranya ialah Pertandingan Pameran Bertemakan Sejarah dan Bulan Kebangsaan, Pertandingan Majalah TV Pusat Sumber Sekolah (TVPSS) bertemakan Keunikan Sejarah Borneo, Pertandingan Mencipta Infografik Sejarah Labuan Menggunakan Aplikasi Canva, Pertandingan Mencipta serta Deklamasi Sajak Kemerdekaan dan juga kuiz atas talian.

Bagi menjayakan program ini, Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan telah dilantik sebagai juri Pertandingan Pameran Bertemakan Sejarah dan Bulan Kebangsaan serta Pertandingan Majalah TV Pusat Sumber Sekolah (TVPSS) Bertemakan Keunikan

Sejarah Borneo. Manakala Jabatan Penerangan Labuan pula sebagai juri Pertandingan Mencipta Infografik Sejarah Labuan Menggunakan Aplikasi Canva. Penglibatan dan kredibiliti kedua-dua agensi ini penting dalam memastikan pertandingan bertema kemerdekaan yang disusun bertepatan dengan fakta sejarah, memperkukuh pengetahuan serta semangat patriotisme dalam kalangan peserta. Bagi kategori sekolah menengah, SMK Ranche-Ranche telah dinobatkan sebagai johan Pertandingan Pameran Bertemakan Sejarah dan Bulan Kebangsaan. Manakala naib johan disandang oleh SM ST Anthony manakala SMK Taman Perumahan Bedaun di tempat ketiga. Bagi kategori sekolah rendah pula, johan telah diraih oleh SK Tanjung Aru diikuti SK Patau-Patau sebagai naib johan dan SK Lubok Temiang di tempat ketiga.

Seterusnya bagi Pertandingan Majalah TV Pusat Sumber Sekolah (TVPSS), johan dan naib johan bagi kategori sekolah rendah telah diraih oleh SK Patau-Patau dan SK Ranche-Ranche di tempat ketiga. Bagi kategori sekolah menengah, johan telah disandang oleh SMK Mutiara diikuti SMK Ranche-Ranche sebagai naib johan dan SMK Labuan di tempat ketiga. Bagi Pertandingan Mencipta Infografik Sejarah Labuan Menggunakan Aplikasi Canva, sekali

lagi menyaksikan keunggulan SK Patau-Patau apabila berjaya meraih johan dan naib johan manakala SK Sungai Bedaun di tempat ketiga. Penganjuran pesta ini turut dimeriahkan dengan Pertandingan Mencipta serta Deklamasi Sajak Kemerdekaan yang telah dimenangi oleh SM ST Anthony diikuti SMK Lajau serta SMK Ranche-Ranche masing-masing menyandang naib johan dan tempat ketiga.

Majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang telah diadakan pada 16 Oktober 2024 bertempat di Bilik Benua, SSTP, Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan yang telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Mohamad bin Pindut, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Labuan. Turut hadir Puan Malai Hasnah binti Malai Ahmad, Penolong Pengarah, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan dan Encik Muhammad Azam bin Adnan, Pengarah, Muzium Labuan. Semoga penganjuran Pesta Galakan Membaca Kemerdekaan ini akan dapat mempertingkatkan minat membaca dan penghayatan sejarah yang tinggi dalam kalangan masyarakat, terutamanya generasi muda untuk terus berpengetahuan dan menghargai erti kemerdekaan.

# PROGRAM BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2024 DI SK BRICKFIELDS 1 BERSAMA MUZIUM NEGARA

Oleh: Nik Aesya binti Nik Ahmad Kamal, Muzium Negara

**KUALA LUMPUR** – Pada 1 Oktober 2024 Muzium Negara telah melaksanakan aktiviti jangkauan luar di SK Brickfields 1 sempena Program Bulan Bahasa Kebangsaan 2024 anjuran sekolah tersebut. Program yang diselaras oleh Encik Aravindashan A/L Krishnan, Ketua Panitia Bahasa Melayu, SK Brickfields 1 ini telah berlangsung sejak bulan Ogos dengan matlamat untuk menyemarakkan rasa cinta dan patriotisme para pelajar kepada bahasa dan negara Malaysia. Program telah dimulakan dengan sesi taklimat bertajuk 'Muzium dan Pendidikan' sebagai pengenalan tentang Muzium Negara dan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) kepada para pelajar dan guru-guru. Kemudian, para pelajar berpeluang melawat ke reruai Muzium Negara yang disediakan dengan pelbagai aktiviti yang berteraskan budaya dan seni masyarakat

Malaysia seperti aktiviti musang berjanggut, membuat gelang tiub, membuat tanjak, bermain permainan tradisional seperti capteh, sepak takraw dan congkak serta beberapa aktiviti sampingan lain seperti menyelesaikan teka-teki koleksi dan teka bendera negeri di Malaysia. Program separuh hari ini telah membabitkan seramai 409 orang yang terdiri daripada murid Prasekolah, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), Tahap 1 sehingga Tahap 6 serta guru-guru sekolah itu. Melalui program ini, para pelajar dan juga guru-guru diharapkan telah mendapat pendedahan mengenai aktiviti pendidikan yang ada di Muzium Negara seperti Program Bermalam di Muzium dan CERIA@Muzium Negara. Selain dapat mengenali Muzium Negara, mereka juga dapat mengenali warisan, sejarah dan budaya Malaysia melalui aktiviti-aktiviti menarik yang disediakan.



## Program Bicara@

### Muzium Adat: Mengenal Perayaan Masyarakat India dan Sikh di Malaysia

Oleh: Siti Norhayati binti Tapsir, Muzium Adat

**JELEBU** - Program Bicara@Muzium anjuran Muzium Adat pada kali ini menampilkan tajuk 'Mengenal Perayaan Masyarakat India dan Sikh di Malaysia' yang telah diadakan pada 10 Oktober 2024. Sesi bicara ini telah disampaikan oleh dua orang ahli panel jemputan iaitu Dr. Sillalee A/L S. Kandasamy, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya dan Dr. Charanjit Kaur A/P Darshan Singh, Jabatan Pengajian Am, Universiti Tunku Abdul Rahman serta Puan Mahaletchumy A/P Suppayah, Pegawai Perpaduan Daerah Jelebu, selaku moderator.

Masyarakat India dan Sikh di Malaysia menyumbang kepada kepelbagaian budaya dan warisan di negara ini. Perayaan yang disambut mereka penuh dengan warna-warni, adat, budaya dan tradisi yang unik. Justeru menerusi program ini ahli panel telah membincangkan tentang perayaan-perayaan penting yang disambut oleh masyarakat India dan

Sikh di Malaysia setiap tahun yang juga diraikan bersama-sama dengan rakyat Malaysia yang lain. Ternyata bahawa setiap perayaan bukan sahaja menonjolkan kepercayaan agama dan tradisi turun-temurun tetapi juga turut memupuk semangat perpaduan, toleransi dan keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Seramai 80 orang peserta secara fizikal dan 172 orang peserta dalam talian melalui platform *Zoom Meeting* dan *Facebook LIVE* Muzium Adat, yang terdiri daripada para guru dan pelajar sekolah, kakitangan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan penyelidik serta pencinta budaya dan adat telah hadir ke program ini. Melalui perkongsian ilmu sebegini, Muzium Adat berpeluang menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak terutamanya para ahli akademik, para ilmuwan, pelajar sekolah, mahasiswa IPT dan agensi-agensi luar serta orang perseorangan.





## Program SEMARAK@ MUZIUM MATANG

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang

**MATANG** – Pada 14 & 15 September 2024, Muzium Matang telah menganjurkan program Semarak@ Muzium Matang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin A. Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia. Program berkonsepkan muzium bersama komuniti ini menjadi platform strategik pihak jabatan untuk memartabatkan warisan tradisi, seni, budaya dan sejarah negara khususnya di Matang yang kini menjadi zon eko-pelancongan negeri Perak.

Semarak@Muzium Matang dengan *tagline* “Moh Nyongket Ke Muzium” pada kali ini dimeriahkan dengan pengisian pelbagai aktiviti menarik yang menonjolkan seni dan budaya dengan penglibatan pelbagai lapisan kaum dan peringkat usia, antaranya seperti reruai pameran dan kaunter perkhidmatan agensi kerajaan serta swasta, demonstrasi dan jualan makanan tradisi, jualan produk kraftangan, persembahan kebudayaan, tayangan wayang pacak, persembahan kesenian, *Fun Walk*, Senam Sihat, Jualan Rahmah, pertandingan tarian tradisional, pertandingan nyanyian lagu *evergreen*, pertandingan dan demonstrasi sukan rakyat, pertandingan mewarna, persembahan artis jemputan serta cabutan pengunjung bertuah.

Aktiviti yang paling mendapat sambutan adalah pertandingan dan demonstrasi sukan rakyat serta pertandingan tarian tradisional. Para pengunjung berpeluang menyertai pelbagai pertandingan sukan rakyat yang dijalankan seperti raut lidi, gubahan daun pandan, lari dalam guni, kaki hantu, golek buah kelapa, kaki bata dan sebagainya. Selain itu, mereka juga boleh mencuba permainan tradisional lain seperti ting-ting, dam haji, congkak

dan dam ular bersama-sama keluarga. Manakala dalam pertandingan tarian tradisional pula melibatkan sebanyak 21 kumpulan yang terdiri daripada sekolah-sekolah di sekitar daerah Larut, Matang dan Selama. Bagi kategori kanak-kanak tempat pertama dimenangi oleh SK Sri Kurau, tempat kedua dimenangi oleh SK Changkat Jering dan tempat ketiga dimenangi oleh SK Kampung Jambu. Manakala dalam kategori dewasa, tempat pertama dan kedua dimenangi oleh SMK Kampong Perak dan tempat ketiga dimenangi oleh SMK Tengku Menteri.

Acara kemuncak ialah persembahan artis jemputan iaitu Aiman Tino dan Shidee, sementara wayang pacak menayangkan filem komedi seram Hantu Kak Limah yang mempopularkan loghat Perak. Pada hari kedua pula, berlangsung acara *Fun Walk* dan senam sihat bertemakan retro melibatkan

jemputan dan komuniti setempat.

Program ini dijayakan bersama agensi-agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan, Majlis Perbandaran Taiping, Kementerian Dalam Negeri, Lembaga Penapisan Filem, Maybank, ADABI, Kelab Belia Medan Perwira serta sebagainya. Seramai 9,335 pengunjung telah hadir memeriahkan setiap acara yang diadakan. Semoga program ini akan merangsang masyarakat di Matang ini untuk berterusan menghayati erti sejarah dan ketamadunan melalui semua aktiviti yang dianjurkan. Penglibatan komuniti setempat dalam program seperti ini akan membantu hasrat kerajaan bagi meningkatkan semangat muhibah, toleransi dan sikap saling menghormati di antara satu sama lain.





**Program SEMARAK@**

## Muzium Kota Kuala Kedah

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah

**KOTA KUALA KEDAH** - Pada 25 & 26 Oktober 2024, Muzium Kota Kuala Kedah (MKKK) telah menganjurkan Program Semarak@Muzium Kota Kuala Kedah yang bertujuan mendekatkan masyarakat dengan muzium. Istimewanya dalam program pada kali ini, MKKK telah bekerjasama dengan Kolej Poly-Tech Mara untuk mencipta satu rekod baru dalam *Malaysia Book of Records* bagi peragaan pakaian tradisional Melayu terbesar. Antara agensi yang turut terlibat dalam menjayakan program ini adalah Arkib Negeri Kedah, Muzium Negeri Kedah, PEMADAM, Institut Kemahiran Mara Alor Setar dan Agensi Penguatkuasaan Maritim.

Pelbagai program dan aktiviti menarik telah diadakan seperti pameran, demontrasi dan jualan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta, IPTA, NGO dan IKS selain turut dilangsungkan acara sukan rakyat seperti permainan congkak, dam aji dan teka-teki. Majlis perasmian Program Semarak@Muzium Kota Kuala Kedah telah disempurnakan pada hari kedua oleh YB Dato' Haji Mohd Salleh bin Saidin, Exco Pelancongan, Kebudayaan

dan Keusahawanan Negeri Kedah dengan diiringi oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia; YBrs Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), JMM; Cik Noor Asmah binti Said, Pengarah, Kolej Poly-Tech Mara Alor Setar; serta pegawai-pegawai kanan JMM dan Pengarah Lembaga Muzium Negeri Kedah. Seusai perasmian, aktiviti diteruskan dengan pertandingan memancing, pertandingan peragaan busana tradisional oleh kanak-kanak tabika, pertandingan gusti lengan dan pertandingan membungkus pulut sambal.

Program yang berlangsung selama 2 hari ini telah dihadiri seramai 8,807 orang pengunjung dan mencapai objektif program. Secara tidak langsung program sebegini dapat mengangkat dan memartabatkan pelbagai warisan seni, budaya dan sejarah negara khususnya di Kota Kuala Kedah serta memperkukuhkan dan menjalin hubungan yang lebih erat dengan komuniti dan masyarakat berbilang kaum.



### PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM (IPIM) DI MUZIUM MATANG

Oleh : Nur Nasihah Mohamed Ariffin, Muzium Matang

**MATANG** – Pada 2 & 9 Oktober 2024, Muzium Matang telah menganjurkan program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) bersama tiga buah sekolah terpilih iaitu Sekolah Kebangsaan Matang Gelugor, Sekolah Kebangsaan Ngah Ibrahim dan Sekolah Kebangsaan Matang yang melibatkan seramai 68 orang pelajar Tahun 6 dan 9 orang guru pengiring. Program pendidikan muzium berkala ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mana pengisian aktiviti disesuaikan dengan silibus mata pelajaran Sejarah. Program dimulakan dengan sesi taklimat pengenalan program oleh Puan Nordiana Nordin sebelum diteruskan dengan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) oleh guru-guru matapelajaran Sejarah kepada pelajar-pelajar yang terlibat. Silibus yang dipilih adalah 'Kita Rakyat Malaysia – Pelbagai Kaum dan Etnik di Malaysia' dimana para pelajar diterangkan tentang kepelbagaian kaum dan etnik di Malaysia dan kepentingan setiap rakyat saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Program diteruskan dengan aktiviti membuat tanglung kertas dan hiasan kolaj bunga raya yang dikendalikan oleh kakitangan muzium. Bagi aktiviti ini, setiap pelajar dibekalkan dengan alatan dan bahan-bahan seperti kertas dan beras berwarna untuk membuat tanglung dan kolaj bunga raya. Melalui aktiviti-aktiviti ini, para pelajar bukan sahaja dapat menyerlahkan kreativiti masing-masing dan berpeluang memenangi hadiah yang disediakan malahan turut merasai sendiri pengalaman menghasilkan tanglung dan Kolam yang sinonim dengan budaya masyarakat Cina dan India. Program ini diakhiri dengan sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang dan sijil penyertaan.

Penganjuran program IPIM ini membolehkan para pelajar mendapat pengalaman baharu menerusi proses pengajaran dan pembelajaran luar kelas yang lebih menarik dan berkesan. Selain itu, melalui program ini juga dapat diperkukuhkan lagi peranan muzium sebagai institusi pendidikan tidak formal di samping menjalinkan hubungan dan kerjasama lebih erat dengan institusi pendidikan khususnya pihak sekolah.



## PROGRAM SEMPENA PAMERAN PESONA TELEPUK, SENI PERADA EMAS DI MUZIUM TEKSTIL NEGARA

Oleh : Fadhliatun binti Azmi, Muzium Tekstil Negara

**KUALA LUMPUR** - Pameran Pesona Telepuk yang secara rasmi dibuka kepada orang ramai bermula pada **28 Oktober sehingga 31 Disember 2024** bertempat di **Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara**. Pameran ini secara eksklusif memperagakan koleksi tekstil telepuk dan koleksi sarang atau cap telepuk milik Jabatan Muzium Malaysia, Pergerakan Langkasuka, muzium-muzium negeri dan orang perseorangan. Bersempena dengan pameran tersebut beberapa program dan aktiviti telah diadakan sepanjang pameran berlangsung. Antaranya ialah program perkongsian ilmu berbentuk bengkel dan demonstrasi; bicara yang diadakan secara fizikal dan secara dalam talian. Program-program ini khusus untuk memperkenalkan seni telepuk dan melahirkan artisan baharu yang mampu menghidupkan semula kesenian ini. Program pertama yang dianjurkan adalah Bengkel Asas Seni Gerus yang diadakan pada 8 November 2024 (Jumaat) bertempat di Bilik Tayangan, Muzium Tekstil Negara. Tenaga Pengajar bengkel ini adalah Encik Sheikh Hussin bin Sheikh Omar dan Encik Sheikh Badrul Shah Hamidi yang merupakan pasangan bapa dan anak yang aktif menjalankan perusahaan menggerus dan sering mendapat tempahan daripada keluarga Diraja, pembesar negara serta orang perseorangan. Bengkel ini mendapat sambutan yang baik daripada kalangan peminat tekstil melayu, kakitangan institusi/agensi dan ahli NGO serta disertai seramai 41 orang peserta. Bengkel ini khususnya menerangkan lebih lanjut mengenai proses menggerus yang dikatakan berasal daripada kulit siput yang digunakan untuk menggerus iaitu siput (*Cypraea Tigris*). Teknik gerus dikatakan telah diperkenalkan oleh

masyarakat Bugis ketika berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu sekitar abad ke-17. Terdapat 3 jenis gerus iaitu gerus masak yang bermaksud kain tersebut **dikanji sebelum disapu lilin lebah** dan digerus; gerus mentah iaitu kain yang **tidak dikanji, terus disapu dengan lilin lebah** dan kemudian digerus dan gerus layang iaitu proses gerus yang **paling mudah** bagi mendapatkan kesan seakan bergerus di mana kain diletakkan di atas permukaan rata kemudian **siput gerus digosok terus** pada permukaan kain. Peserta juga didedahkan dengan demonstrasi kaedah menggerus menggunakan bingkai alatan menggerus di ruang pameran dan berpeluang untuk mencuba menggerakkan siput kulit siput menggunakan batang kayu yang dinamakan sebagai joran. Secara ringkasnya, menggerus kain merupakan cara tradisional untuk melicinkan dan memadatkan kain supaya kelihatan halus dan berkilat. Bengkel seterusnya yang diadakan adalah Bengkel Asas Seni Telepuk pada 19 November 2024 (Selasa) bertempat di Bilik Tayangan, Muzium Tekstil Negara. Encik Mohd Herin bin Mansor dan Cik Nur Fatimah Rashidi merupakan tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkemahiran dalam penyediaan busana melayu dijemput bagi bengkel ini. Bengkel ini telah disertai seramai 20 orang peserta. Melalui bengkel ini, para peserta didedahkan dengan aktiviti teknik menelepuk perada emas di atas kain yang telah digerus elok dengan menggunakan alat-alat khas yang telah disediakan oleh pihak penganjur. Selain daripada itu, para peserta juga dapat merasai sendiri pengalaman cara penghasilan kain telepuk yang hanya di pakai oleh golongan diraja dan bangsawan.



Penutup bagi penganjuran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas ini diisi dengan penganjuran Bicara Telepuk: Sejarah & Kelestarian yang diadakan pada 28 November 2024. Program bicara ini menampilkan beberapa orang penceramah jemputan iaitu Encik Khairulanwar Rahman, Puan Intan Jailani, Encik Azwarin Ahmed, Cik Fatimah Rashidi, dan Encik Herin Mansor yang berlatar belakang penyelidik dan penggiat seni dan budaya Melayu serta dengan penglibatan istimewa bersama Tokoh Kraf Negara, Norhaiza Noordin, seorang Adiguru Kraf Ukiran Halus yang amat dihormati. Program ini dilaksanakan secara fizikal dan secara dalam talian melalui siaran langsung di akaun media sosial Muzium Tekstil Negara. Program bicara ini mengupas tentang sejarah dan pengenalan, usaha serta cabaran kelestarian seni telepuk. Semoga usaha kecil yang dilaksanakan oleh Muzium Tekstil Negara dengan kerjasama Yayasan Hasanah dan disokong Pergerakan Langkasuka dan Lamar Dollar Sdn. Bhd. ini dapat memperkenalkan seni telepuk dan melahirkan artisan baharu yang mampu menghidupkan semula kesenian ini.

# SEMINAR SEJARAH ALAM SEMULA JADI 2024

Oleh: Muhamad Syafiq Bin Ahmad Zahari, Muzium Alam Semula Jadi

**KUALA LUMPUR** - Pada 17 Oktober 2024, Muzium Alam Semula Jadi telah menganjurkan Seminar Sejarah Alam Semula Jadi yang membicarakan tentang ilmu taksonomi oleh tokoh ilmunan Islam dan dunia Melayu. Seminar yang telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim ini turut membincangkan tentang perubahan taksonomi kuno kepada moden, sejarah dan perkembangannya di negara ini, serta isu-isu berkaitan bidang ini yang kian dipinggirkan malah kurang diminati walaupun sebenarnya bidang ini amat penting dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti.

Seminar ini telah diperantarakan oleh Ts. Dr. Ahmad Firdhaus bin Arhan, pensyarah kanan, Pusat Pengajian Citra Universiti, UKM selaku moderator. Ahli panel yang terlibat adalah Prof. Emeritus Dato' Dr. Haji Mohamed bin Abdul Majid, mantan dekan Fakulti Sains Universiti Malaya dan Universiti Brunei; Prof. Abdurezak Abdulahi Hashi (UIAM), Pensyarah, Kulliyah Sains, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Dr Nor Saadah Binti Mohd Nor, Pensyarah Kulliyah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UIAM.

Program yang berlangsung di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia ini telah dihadiri seramai 187 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan orang perseorangan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Selangor turut menyumbang sebahagian besar peserta seminar melibatkan siswa dan siswi. Semoga penganjuran seminar ini akan memberikan sedikit kesedaran tentang kepentingan bidang sains taksonomi memandangkan negara kita semakin ketandusan pakar-pakar bidang ini sedangkan khazanah biodiversiti negara masih banyak lagi yang belum dikaji dan diperihalkan.



## PROGRAM IPIM SIRI 1/2024 MUZIUM NEGARA BERSAMA SK SEKSYEN 19, SHAH ALAM

Oleh: Ritchie Anak Jonathan Ahi, Muzium Negara

**KUALA LUMPUR** - Muzium Negara telah melaksanakan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) siri yang pertama tahun ini pada 10 September lalu. Program berlangsung di Ruang Penerokaan Muzium Negara dengan melibatkan penyertaan seramai 35 orang pelajar (tahun 4 hingga 6) bersama-sama 6 orang guru dari Sekolah Kebangsaan Seksyen 19, Shah Alam. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah sesi lawatan berpandu ke Galeri Sejarah Awal, sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta sesi pengukuhan aktiviti prasejarah.

Program dimulakan dengan taklimat ringkas sebelum disusuli dengan lawatan ke galeri dan sesi PdP mengenai topik Zaman Prasejarah yang disampaikan oleh Cikgu Pavin, selaku Ketua Panitia Sejarah SK S19. Sesi sebegini dilihat dapat membantu para pelajar untuk lebih memahami silibus yang mereka pelajari apabila dapat mengaitkannya dengan artifak prasejarah yang dilihat sendiri di galeri pameran.

Program diteruskan dengan sesi pengukuhan aktiviti prasejarah yang pertama iaitu aktiviti membuat perhiasan daripada cengkerang untuk dijadikan

kalung atau gelang tangan. Setiap pelajar diberikan tali tangsi dan cengkerang siput untuk mereka jadikan kalung cengkerang dan gelang cengkerang. Kemudian, dalam aktiviti kedua para pelajar berpeluang pula mengenali pelbagai motif lukisan gua yang sering ditemui di gua-gua di Malaysia iaitu motif manusia, haiwan, geometri dan sebagainya. Para pelajar dibekalkan dengan pensil arang dan kertas kraf berwarna perang untuk melukis imej tersebut. Seterusnya dalam sesi refleksi, para pelajar diuji pula tahap kefahaman mereka berkaitan aktiviti yang telah dijalankan sebelum diakhiri dengan sesi bergambar dan penyampaian hadiah bersama para pelajar, guru dan kakitangan Muzium Negara yang terlibat.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya memperkukuhkan pembelajaran melalui sistem sokongan PdP yang berstruktur melibatkan kerjasama antara guru dan pegawai muzium dalam menyediakan pengalaman pendidikan subjek sejarah yang lebih menarik, berinteraktif dan menyeronokkan kepada para pelajar disamping mengukuhkan pengetahuan mereka tentang sejarah dan warisan negara.



## OUT REACH PROGRAM MUZIUM PERAK@KOMUNITI

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Perak



**TAIPING** - Dalam usaha memantapkan lagi peranan Muzium Perak sebagai sebuah institusi pendidikan dan pembelajaran yang tidak formal pada tahun 2024, Muzium Perak telah berjaya melaksanakan program Muzium Perak@Komuniti melalui program Jangkauan Luar. Objektif program iaitu memberi pendedahan kepada masyarakat/komuniti dan pelajar-pelajar sekolah mengenai latar belakang penubuhan muzium, koleksi dipamerkan, aktiviti permuziuman yang bersesuaian dan secara tidak langsung untuk mempromosikan Muzium Perak. Pelbagai pendekatan turut dilaksanakan seperti mengadakan program pameran dan aktiviti *hands on* yang berunsur akademik dan separa akademik dalam menarik minat untuk terus mendekati dan mengunjungi muzium sebagai usaha menyebarkan pengetahuan warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara.

Program ini telah bermula dari seawal bulan Januari dan berakhir pada Oktober 2024 dari jemputan beberapa agensi seperti Kementerian Perpaduan Negara, Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Perbandaran Manjung, Universiti Teknologi Petronas, Pejabat Daerah Dan Tanah Kampung Gajah dan enam buah sekolah di dalam Perak Darul Ridzuan iaitu dari SK Bukit Jana Taiping, SK Bernadette's Convent Batu Gajah, Sk Raja Muzwin Kuala Kangsar, SK Talang Kuala Kangsar, SK Changkat Jering dan SMK Bukit Jana, Kamunting. Antara pameran yang dibawa sepanjang program Muzium Perak@Komuniti iaitu Pameran Taiping Retrospektif Sejarah, Pameran Sejarah Pulau Pangkor, Pameran Permainan Tradisional Main Masa Lapang, Pameran Darurat dan Pameran Wira Tak Di Canang.

Bagi memeriahkan lagi pameran, pelbagai aktiviti menarik disediakan di dalam pengisian pameran tersebut seperti aktiviti kuiz pameran, aktiviti mewarna canting batik, aktiviti permainan masa lapang seperti congkak, dam ular dan dam haji, aktiviti memanah, aktiviti menyumpit, aktiviti moulding dan casting, kuiz cari kata, jom bermain puzzle, aktiviti kukur kelapa, aktiviti bermain konda-kondi aktiviti mewarna lukisan Merdeka, diy tengkolok Merdeka dan tayangan video bertemakan bulan kemerdekaan,. Semua aktiviti yang dijalankan sepanjang pameran berlangsung telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan oleh pelajar, guru, warga IPTA, IPTS dan pengunjung yang datang ke pameran tersebut. Maklum balas yang diterima juga sangat positif.

Muzium Perak berharap kerjasama seumpama ini akan terus dikekalkan kerana program seumpama ini dapat menyemarakkan fungsi dan peranan Muzium sebagai gedung ilmu yang sentiasa menjadi rujukan masyarakat khususnya dari aspek sejarah dan budaya negara.

## PROGRAM OUT REACH KENALI MUZIUM ALAM SEMULA JADI DI SK TAMAN PERMATA, KUALA LUMPUR

Oleh: Intan Khafdzrillia binti Fadzri, Muzium Alam Semula Jadi



**KUALA LUMPUR** - Pada 18 Disember 2024, Program *Out reach* Kenali Muzium Alam Semula Jadi telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Taman Permata. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada murid-murid mengenai kekayaan alam semula jadi negara serta memupuk perasaan cintakan khazanah fauna negara melalui pelbagai aktiviti yang menarik dan pameran yang melibatkan seramai 750 orang murid.

Program ini dimulakan dengan lawatan ke pameran yang mempamerkan koleksi-koleksi zoologi Muzium Alam Semula Jadi. Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil untuk terlibat dalam aktiviti interaktif yang berkaitan dengan bahan pameran muzium. Aktiviti seperti kuiz, teka-teki dan pameran mini yang diadakan ini memberi peluang kepada murid-murid untuk lebih memahami tentang ekosistem, kepelbagaian biologi dan kepentingan memelihara alam semula jadi.

Program ini berakhir dengan sesi penyampaian sijil penyertaan kepada peserta. Seharusnya, program *Outreach* Kenali Muzium Alam Semula Jadi ini mampu meningkatkan kesedaran murid-murid tentang pentingnya untuk mengenali dan memelihara khazanah biodiversiti yang ada. Aktiviti yang dijalankan ini bukan sahaja mendidik malah memperkukuhkan lagi hubungan mereka dengan alam semula jadi sekaligus mendorong pembentukan sikap cintakan alam semula jadi dalam kalangan generasi muda.

## MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan



**LEMBAH BUJANG** – 2 Nov 2024  
Majlis Perasmian Citra Nusa@ Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan Pembukaan Semula Pameran Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Galeri 1 telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibi Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman. Turut hadir YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Norizan bin Khazali Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah, Yang Berhormat ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman (ADUN), Yang Berhormat Senator Puan Saraswathy Kandasami Timbalan Menteri Kementerian Perpaduan Negara, Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara, YBrs. Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud Timbalan Ketua Setiausaha KPN, Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Gafar bin Yahya Pegawai Daerah Kuala Muda, YBrs. Encik Mohd Razaimi bin Hamat Timbalan Ketua Pengarah (Permuzium) Jabatan Muzium Malaysia dan Puan Noorhuda binti Mohammed Ali, AMK., BCK. Setiausaha Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah telah berkenan mencemar duli di majlis pembukaan semula Pameran Arkeologi



Arkeologi Lembah Bujang: Menelusuri Kegemilangan Tamadun Awal



Lembah Bujang di Galeri 1, yang ditutup sejak Oktober 2021 untuk kerja-kerja naik taraf dan siap sepenuhnya pada April 2024. Pameran ini memaparkan sejarah kerajaan Kedah Tua di Lembah Bujang, yang telah wujud sejak kurun ke-2 Masihi, dengan wajah baharu yang memberikan pengetahuan lebih mendalam dan menggabungkan pelbagai medium serta bentuk pameran, termasuk susun atur peti pameran, pencahayaan, serta elemen-elemen interaktif yang terkini. Pendekatan ini telah berjaya menghidupkan semula suasana zaman kegemilangan Tamadun Kedah Tua, membolehkan para pengunjung merasai pengalaman serta memahami keagungan sejarah Kedah Tua dengan lebih mendalam. Setiap artifak yang dipamerkan bukan hanya dilengkapi dengan kapsyen, tetapi juga penceritaan lengkap dalam bentuk QR Code. Konsep pameran yang baharu, dengan pencahayaan yang sesuai, akan memberikan wajah segar kepada Pameran Arkeologi Lembah Bujang di Galeri Satu.

Program Citra Nusa @ Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah berlangsung selama 3 hari iaitu dari tarikh 01 hingga 03 November 2024 bermula dari jam 9.00 pagi sehingga

10.30 malam. Pengisian program termasuklah pameran agensi kerajaan, demontrasi dan jualan RAHMAH Madani, Persembahan Kebudayaan, Bicara Arkeologi Lembah Bujang: Menelusuri Kegemilangan Tamadun Awal, Pertandingan Sukan Rakyat dan pertunjukan seni pertahanan diri pelbagai kaum.

Seramai 5,494 pengunjung telah hadir terdiri daripada Jabatan dan agensi Kerajaan, NGO, siswa siswi IPTA, IPTS, komuniti setempat dan pelajar dari sekolah rendah dan menengah. Program Citra Nusa ini turut dimeriahkan dengan pameran, demontrasi dan aktiviti jualan oleh agensi Kerajaan dan usahawan.

Secara keseluruhannya, Program Citra Nusa @ Muzium Arkeologi Lembah Bujang ini telah memberi nilai tambah kepada aktiviti permuziuman yang diterajui oleh Jabatan Muzium Malaysia khususnya oleh Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Kerjasama jitu Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan masyarakat setempat memberi satu imej yang berkesan dalam mengangkat warisan sejarah serta semangat perpaduan yang saling menyokong antara satu sama lain.

## Program Kembara Citra Sejarah dan Geowarisan Labuan 4.0

Oleh: Mohd Fakaruddin bin Sakeri, Muzium Labuan



**LABUAN** – Muzium Labuan telah menganjurkan Program Kembara Citra Sejarah dan Geowarisan Labuan 4.0 pada 12 November 2024. Program ini melibatkan penyertaan individu dari pelbagai agensi kerajaan, swasta serta masyarakat tempatan yang ingin meneroka sejarah dan geowarisan yang terdapat di Labuan. Objektif utama program ini adalah untuk meneroka tempat-tempat bersejarah penting di Labuan yang menyimpan pelbagai kisah sejarah dan berpotensi menjadi tarikan eko-pelancongan.

Seramai 36 orang peserta yang menyertai program ini. Destinasi pertama kembara adalah di Geopark Tanjung Batu yang terkenal dengan singkapan batu pasir Belait dan tafoni. Para peserta diberikan penerangan mengenai geologi unik di kawasan ini, termasuk bagaimana batu pasir dan tafoni terbentuk secara semula jadi. Keunikan formasi batu ini menjadikannya salah satu khazanah geowarisan yang penting di Labuan.

Seterusnya para peserta bergerak ke *Japanese Surrender Point* dan Taman Damai di kawasan Layangan-Layangan. Lokasi bersejarah ini merupakan tempat tentera Jepun menyerah kalah kepada pasukan tentera bersekutu semasa akhir perang dunia kedua. Tempat ini menjadi simbol keamanan dan kebebasan bagi Labuan selepas era penjajahan Jepun. Peserta turut diberikan penerangan tentang peristiwa penyerahan Jepun pada tanggal 10 September 1945 kira-kira 79 tahun dahulu.

Lokasi ke tiga pula adalah Taman Ekologi Paya Bakau Kinabenuwa iaitu kawasan hutan paya bakau yang boleh diteroka oleh para peserta melalui kemudahan titi kayu sepanjang 400 meter. Para peserta berpeluang melihat pelbagai spesies flora dan fauna unik yang terdapat di paya bakau yang sangat penting kepada ekosistem semula jadi. Aktiviti menaiki bot menyusuri Sungai Kinabenuwa turut memberikan pengalaman berharga kepada peserta untuk memahami peranan hutan paya bakau dalam melindungi pantai dan menjadi habitat kepada pelbagai spesies hidupan liar.

Program ini diakhiri dengan sesi penyampaian sijil penyertaan kepada semua peserta sebagai tanda penghargaan atas penglibatan mereka. Program Kembara Citra 4.0 ini berjaya mencapai matlamatnya untuk memperkenalkan para peserta kepada keindahan geowarisan dan sejarah yang terdapat di Labuan. Adalah menjadi harapan agar program seperti ini akan terus dapat menimbulkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan memelihara warisan sejarah dan alam semula jadi. Program ini juga turut mendapat perhatian dan liputan daripada pihak Berita RTM Labuan yang disiarkan pada 13 November 2024.

## PROGRAM JANGKAUAN LUAR KENALI MUZIUM ALAM SEMULA JADI – KESEDARAN KHAZANAH ALAM

Oleh: Intan Khafdrillia Binti Fadzri, Muzium Alam Semula Jadi



**KUALA LUMPUR** - Pada 17 September 2024, Muzium Alam Semula Jadi telah mengadakan aktiviti mengawet serangga bersempena dengan musim cuti sekolah di Muzium Negara. Program ini dijalankan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran para peserta tentang kepelbagaian khazanah fauna alam semulajadi terutamanya serangga. Selain pengenalan mengenai teknik awetan serangga, Kurator Muzium Alam Semula Jadi turut menerangkan tentang kepentingan serangga dalam ekosistem, ancaman yang dihadapi oleh serangga, dan cara-cara untuk melindunginya. Kesemua 30 orang peserta diajar cara-cara untuk mengawet spesimen serangga dengan teknik awetan yang betul. Para peserta turut dibenarkan membawa pulang hasil awetan serangga masing-masing. Program seumpama ini perlu dijalankan secara berterusan untuk memastikan pengetahuan dan kesedaran mengenai pemeliharaan serangga terus berkembang terutamanya diperingkat sekolah dan komuniti untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan biodiversiti negara ini.

# PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM DI MUZIUM PERAK

Oleh: Zairul Hida Binti Hamdan, Muzium Perak



**TAIPING** - Pada 23 Oktober 2024, Muzium Perak dengan kerjasama SK Changkat Jering telah menganjurkan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) melibatkan seramai 40 orang pelajar tahun empat sekolah tersebut. Program dimulakan dengan sesi taklimat pengenalan tentang program IPIM sebelum diteruskan dengan lawatan berpandu ke galeri pameran oleh Encik Selvaraju a/I M. Pichaimuthu. Para pelajar telah dibawa melawat ke Galeri D yang mempunyai kaitan dengan zaman prasejarah terutamanya yang melibatkan segmen Masyarakat Orang Asli dan Sejarah Penemuan Tembikar. Dalam sesi lawatan ini para pelajar berpeluang melihat replika rangka *Perak Man* dan artifak arkeologi dari Kuala Selinsing, Perak untuk memahami mengenai zaman prasejarah. Manakala dalam sesi pengukuhan pula melibatkan penerangan mengenai aktiviti graffiti lukisan gua yang disampaikan oleh Encik Mohd Faizul bin Mohammad Noor. Kesemua sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP), sesi pengukuhan dan sesi refleksi aktiviti prasejarah adalah berdasarkan kepada silibus mata pelajaran Sejarah Tahun 4 iaitu Zaman Prasejarah yang merangkumi sub tajuk Kenali Zaman Prasejarah, Lokasi Zaman Prasejarah Negara, Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah dan Sumbangan Teknologi.

Muzium Perak telah menyediakan dua aktiviti untuk sesi pengukuhan iaitu membuat rantai zaman prasejarah dan aktiviti graffiti lukisan gua purba. Bagi aktiviti membuat rantai

prasejarah, setiap pelajar telah dibekalkan dengan bahan seperti tali, kulit kerang, manik, tapak dan tukul untuk mereka membuat sendiri rantai leher. Aktiviti ini membolehkan pelajar lebih memahami dan dapat menilai kemahiran yang dimiliki oleh masyarakat zaman prasejarah dalam penghasilan perhiasan diri dan ianya juga dipandang sebagai sesuatu yang sangat bernilai serta mempunyai keunikan yang tersendiri. Manakala dalam aktiviti kedua sesi pengukuhan pula adalah aktiviti graffiti lukisan gua yang mana para pelajar telah dibekalkan kertas pasir dan pensil kapur untuk menghasilkan lukisan gua mengikut kreativiti masing-masing bagi menggambarkan tentang kehidupan manusia pada zaman tersebut sebagai cara komunikasi menyampaikan maklumat.

Kemudian dalam aktiviti refleksi, beberapa contoh artifak muzium turut digunakan seperti replika *Perak Man*, artifak arkeologi Kuala Selinsing, replika alat dan senjata zaman prasejarah dan zaman Neolitik seperti cangkul, kapak junjong, tukul pengetuk kulit kayu, tukul pemecah, kapak genggam, batu pengetuk, pisau belati dan tukul pemecah gua turut digunakan untuk merangsang minat dan menambah kefahaman pelajar-pelajar terhadap topik yang telah dibincangkan. Majlis penutup program IPIM 2024 ini telah disempurnakan oleh Encik Nasrulamizam bin Mohd Nasir, Pengarah Muzium Perak.





SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN YBHG. DATUK SERI KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA KE JABATAN MUZIUM MALAYSIA



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI DARI OMAN ACROSS AGES MUSEUM KE JABATAN MUZIUM MALAYSIA



LAWATAN KERJA OLEH TYT YING YONG THE SUPREME PEOPLE\_SP PROCURATORATE REPUBLIK RAKYAT CHINA KE MUZIUM NEGARA



LAWATAN KERJA OLEH H.E MA HUI (VICE MINISTER OF THE INTERNATIONAL DEPARTMENT, CENTRAL COMMITTEE OF CPC) CHINA



LAWATAN YBHG. DATUK KETUA PENGARAH JMM KE KILANG KOPI ANTONG DI TAIPING PERAK



LAWATAN KERJA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KE JMM

## PROGRAM MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL @

**KOMUNITI 2024 (2 SIRI)** Oleh : Muzium Automobil Nasional

Program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar mengenai latar belakang penubuhan muzium, koleksi yang dipamerkan serta bidang kerjaya di dalam bidang permuziuman. Ini adalah salah satu kaedah mempromosikan Muzium Automobil Nasional (MAN) dan memberi galakan kepada orang awam mengunjungi MAN dan memilih muzium sebagai tempat lawatan yang wajib dikunjungi. Dua (2) siri program disasarkan pada tahun ini untuk Muzium Automobil Nasional dan telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya.

Siri pertama (1) MAN@Komuniti dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri, Seremban Negeri Sembilan. Muzium Automobil Nasional (MAN) dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri, Seremban telah dilaksanakan dengan jayanya pada 10 Julai 2024 (Rabu) bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Muzium Automobil Nasional memenuhi undangan pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri, Seremban selaku tuan rumah sempena Program Karnival Pendidikan STEM / PSS / UBK Daerah Seremban, Negeri Sembilan yang telah dirasmikan oleh Tuan Haji Norazam bin Haji Nayan, Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Daerah Seremban Negeri Sembilan. Terdapat juga agensi kerajaan lain yang terlibat dalam program ini seperti Jabatan Kimia Malaysia, Jabatan Alam Sekitar dan Sekolah-sekolah Berasrama Penuh sekitar Negeri Sembilan. Dianggarkan bilangan pelajar, guru dan ibu bapa yang turut serta dalam program adalah seramai 1830 peserta.

Siri kedua (2) MAN@Komuniti dilaksanakan di SMK Cyberjaya dan lokasi program bertempat di laluan masuk utama. Diketahui oleh Safia binti Ismail, Nursyahir Hanif bin Khirunzian, Mohd Hazuan bin Sanusi, Mohd Shaiful Anuar bin Damanuri dengan



kerjasama Puan Hajah Nazrah binti Jamaludin, Guru Kanan Matapelajaran Kemanusiaan SMK Cyberjaya. Pihak MAN terlibat dalam dua (2) sesi bermula jam 7.30 hingga 10.15 pagi (sesi pagi) dan 3.00 hingga 5.30 petang (sesi petang). Para pelajar diberikan taklimat berkenaan penubuhan Muzium Automobil Nasional dan bahan rujukan *roll up* MAN juga disediakan. Pihak MAN juga menyediakan aktiviti *crossword* dan *game puzzle* untuk penyertaan para pelajar secara individu / berkumpulan dan masa yang diperuntukan adalah 30 minit untuk menyelesaikan aktiviti tersebut. Sambutan dari para pelajar sesi pagi dan petang amat menggalakkan dan dianggarkan seramai 1799 pelajar dan guru terlibat dalam aktiviti ini.

Penganjuran program seumpama ini bukan sahaja dapat dijadikan sebagai medan untuk memperluaskan ilmu pengetahuan malahan sekaligus dapat merapatkan jurang hubungan dengan masyarakat serta memupuk kesedaran masyarakat terhadap pentingnya menghargai dan memelihara khazanah warisan negara.

## PROGRAM INSPIRASI PELAJAR INOVASI MUZIUM@MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG

Oleh : Zaidi bin Harun, Penolong Kurator MALB

**KEDAH** - Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) telah diadakan pada 24 September 2024 di Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah. Program ini disertai oleh seramai 41 orang pelajar tingkatan 1 dari SMK Convent Father Barre, Sg. Petani Kedah bersama 4 orang guru pengiring. Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan minat pelajar dalam meneroka pengetahuan baharu, terutamanya dalam mata pelajaran Sejarah.

Aktiviti program dimulakan dengan lawatan ke Galeri Sejarah Perdagangan Lembah Bujang. Pelajar diberi peluang untuk meneliti artifak dan bahan sejarah yang dipamerkan, yang memberikan mereka pemahaman lebih mendalam tentang sejarah dan kepentingan warisan Lembah Bujang. Selesai sesi lawatan, program diteruskan dengan sesi taklimat oleh En. Azhar bin Mohamed Noor, Pengarah Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Taklimat ini memberi penerangan tentang objektif program dan kepentingan penglibatan pelajar dalam usaha memelihara warisan sejarah negara.

Sesi pertama bermula dengan ceramah oleh En. Faudzi bin Sulaiman, Pembantu Muzium Kanan, yang memberi pengenalan tentang arkeologi di Malaysia dengan penekanan kepada sejarah Lembah Bujang. Ceramah ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada asas-asas arkeologi serta kepentingan bidang ini dalam meneroka sejarah silam. Ceramah ini turut dibantu oleh guru kelas yang memberikan panduan tambahan kepada pelajar. Selepas ceramah, pelajar dibawa ke tapak mini arkeologi untuk menjalani latihan amali ekskavasi. Dalam aktiviti ini, mereka diberi peluang untuk mencari artifak yang telah ditanam secara simulasi, yang memberi mereka pengalaman secara langsung tentang proses ekskavasi sebenar.

Pada sesi kedua, ceramah disampaikan oleh En. Zaidi bin Harun, Penolong Kurator. Beliau memperkenalkan pelajar kepada tembikar, termasuk fungsi dan kegunaannya dalam kehidupan masyarakat silam. Ceramah ini turut dibantu oleh guru kelas yang membantu memudahkan pemahaman pelajar. Ceramah ini diikuti dengan aktiviti praktikal di mana pelajar menggunakan plastesin untuk membuat tembikar. Mereka dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil dan diberi kebebasan untuk menghasilkan rekaan tembikar mengikut kreativiti masing-masing.

Program ini berjaya memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna kepada para pelajar. Mereka bukan sahaja memperoleh pengetahuan baharu tentang sejarah dan arkeologi tetapi juga berpeluang mengasah kemahiran kreatif mereka melalui aktiviti-aktiviti yang disediakan. Guru-guru pengiring turut menyatakan bahawa program seperti ini mampu meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran sejarah dan memberikan inspirasi kepada mereka untuk lebih menghargai warisan sejarah negara. Diharapkan program ini dapat dijadikan acara tahunan yang berterusan untuk memastikan generasi muda terus terlibat dalam usaha memelihara dan memahami sejarah tanah air.



# Festival Warisan Sabah

Oleh: Nor Hanisah binti Ahmad dan Siti Sarah Samian, Muzium Negara

**KUALA LUMPUR** – Telatah anak-anak kecil berusia antara 4 hingga 12 tahun yang menggayakan pakaian tradisional pelbagai etnik Sabah telah menggamatkan suasana dengan sorakan para pengunjung di sekitar Dataran Muzium Negara. Begitulah suasana kemeriahan Pertandingan Ratu Cilik Sabah atau Sumandak Cilik Sabah yang berlangsung pada hari pertama program Festival Warisan Sabah yang diadakan di Muzium Negara pada 21 & 22 Disember 2024 dengan kerjasama Againststar House Sdn. Bhd.

Program Festival Warisan Sabah ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara pada 21 Disember 2024. Program ini juga telah mendapat geran daripada Kementerian Perpaduan Negara bagi melengkapkan program warisan Borneo selepas penganjuran Festival Anak Sarawak yang turut diadakan sebelumnya di Muzium Negara pada 23 & 24 November 2024. Pihak kementerian sentiasa mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin bekerjasama dalam menjayakan pelbagai program yang dapat memperkukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat dan memartabatkan warisan sejarah, seni budaya dan alam semula jadi negara. Sambutan yang diterima terhadap program ini mencerminkan semangat perpaduan dan cinta kepada warisan budaya tempatan khususnya untuk mengenali warisan budaya Sabah. Ini amat bertepatan dengan perkhidmatan teras Kementerian Perpaduan Negara yang menggalakkan pelbagai usaha untuk masyarakat saling mengenali dan memahami seni budaya antara satu sama lain.

Negeri Sabah yang kaya dengan pelbagai budaya, adat resam dan warisan yang unik ini menjadi rumah kepada lebih daripada 30 etnik dimana setiap satunya membawa identiti tersendiri melalui bahasa, pakaian tradisional, muzik, tarian, makanan dan seni kraftangan. Justeru, program festival seumpama ini telah memberi peluang kepada masyarakat untuk mendalami keindahan budaya masyarakat Sabah baik dari tarian Sumazau hinggalah ke alunan muzik gong dan

engkerurai serta keunikan masakan tradisional seperti hinava dan tuhau. Sabah bukan sahaja indah budaya tempatannya tetapi juga menjadi cerminan perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Pelbagai program menarik telah diadakan antaranya adalah persembahan alat muzik, Sesi Penceritaan Legenda Huminodun, peragaan pakaian etnik Sabah dan pelbagai pertandingan seperti *Sumazau x Magunatip Challenge*, Ratu Cilik Sabah, Suara Emas Anak Sabah, Dapur Warisan Sabah, Pertandingan Mewarna dan sebagainya. Juga diadakan Mini Tamu Sabah yang turut menyediakan demonstrasi seni kraf hiasan manik, baju tradisional Sabah dan jualan makanan tradisi seperti burasak, ambuyat, kelupis, amplang dan sebagainya. Terdapat sebanyak 18 gerai penjaja telah turut serta dalam program selama dua hari ini dengan membawa jumlah hasil pendapatan keseluruhan sebanyak RM 30,371.60.

Warisan budaya adalah cerminan identiti dan akar sejarah kita begitulah juga menjaga warisan Sabah bermakna kita memelihara identiti masyarakat setempat, memperkukuhkan perpaduan, dan memastikan generasi akan datang dapat terus menikmati keindahan dan nilai-nilai leluhur budaya ini. Warisan seperti adat resam, seni bina tradisional, makanan, dan seni kraf Sabah bukan sahaja memberi nilai kepada pelancongan tetapi juga memperkaya kehidupan kita sebagai sebuah masyarakat yang harmoni dan saling menghormati. Penganjuran program seperti ini merupakan salah satu platform yang terbaik untuk merapatkan jurang antara kaum dan meningkatkan kesedaran mengenai kekayaan warisan negara. Ini adalah bertepatan dengan konsep *Whole of Government* dan *Whole of Nation* oleh pihak kerajaan. Jabatan Muzium Malaysia percaya bahawa perpaduan yang kukuh boleh dicapai apabila wujud kefahaman dan penghormatan yang mendalam terhadap keunikan dan kepelbagaian budaya dalam masyarakat kita. Ini bertepatan dengan slogan "Faham, Hormat dan Terima" untuk diteladani oleh seluruh rakyat negara ini.



## SEMINAR SUNDANG DAN PERUBATAN TRADISIONAL & KECANTIKAN MELAYU

Oleh: Selvaraju a/ M. Pichaimuthu, Muzium Perak



**TAIPING** - Muzium Perak dengan kerjasama Yayasan Al-Amin telah menganjurkan Seminar Sundang dan Tradisi Perubatan & Kecantikan Melayu. Program ini menampilkan dua orang pembentang iaitu Ustaz Muhammad bin Abdullah Al-Amin yang juga seorang pemilik sundang terbanyak di Malaysia dan Dato Sharifah Anisah Barakbah Pakar Herba dan Perbidanan Melayu yang juga Pengasas Nona Roguy.

Program ini telah diadakan pada 21 Disember 2024 (Sabtu) di Dewan Seminar Datuk Shahrum Yub, Muzium Perak sempena dengan Pameran Sundang: Seni dan Kuasa. Program ini disertai oleh seramai 70 orang peserta dari pelbagai persatuan, peminat senjata tradisional, individu dan pengengaruh media sosial. Pembentang pertama Ustaz Muhammad bin Abdullah Al-Amin berkongsi kajian beliau tentang sundang yang mempunyai identiti orang Melayu tanpa berkongsi teknologi dengan bangsa lain dan merupakan Raja Senjata bagi orang Melayu. Senjata sundang digunakan untuk melibas, menebas, menetak, memancung, melilit, menghiris dan menikam.

Menurut beliau kesemua 7 jenis ciri senjata orang Melayu iaitu Segenggam, Sepegang, Selengan, Setangan, Seberdiri, Senafas dan Serasa terdapat pada sundang. Beliau turut menerangkan setiap bahagian pada sebilah sundang boleh digunakan sebagai senjata untuk mencederakan musuh bermula daripada hulu sehingga hujung matanya.

Manakala pembentang kedua Dato Sharifah Anisah Barakbah yang juga penulis buku Ensiklopedia Perbidanan Melayu. Beliau berkongsi ilmu khasiat penggunaan herba dalam penjagaan kesihatan dan kecantikan oleh masyarakat Melayu. Beliau merungkai rahsia perubatan Melayu dalam konteks sains dan teknologi serta perbandingan perubatan moden dan tradisional.

Program ini berakhir dengan lawatan ke galeri Pameran Sundang dan penyampaian sijil penyertaan kepada peserta.

## MUZIUM NEGARA DESTINASI PILIHAN SEMASA CUTI SEKOLAH

Oleh: Zuniwati binti Ab Rahman @ Bidin, Muzium Negara



**KUALA LUMPUR** - Muzium Negara merupakan salah satu destinasi popular di Kuala Lumpur yang sering dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia, terutamanya semasa musim cuti sekolah. Bersempena dengan cuti sekolah pada bulan September 2024, Muzium Negara telah menganjurkan pelbagai aktiviti dan program menarik yang khusus untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan (*family bonding*) terutama kepada pengunjung muzium yang datang bersama keluarga.

Antara aktiviti yang disediakan adalah *Decoupage* Hiasan, Topeng Kreatif, Saya Anak Malaysia, Kesedaran Khazanah Alam - Awetan Serangga dan Anyaman Keluarga. Selain itu, turut diselitkan dengan aktiviti yang berelemen warisan budaya seperti Eksplorasi Muzium, Mewarna Kanak-kanak serta Jom Susun *Puzzle*. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja berjaya menarik ramai pengunjung tetapi juga memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan.

Sementara itu, bagi pengunjung yang ingin mencuba pelbagai permainan tradisional, mereka boleh menyertai aktiviti Jom Main Permainan Tradisional di perkarangan luar Muzium Negara. Permainan tradisional yang ada termasuklah kaki hantu, sepak raga, capteh, baling selipar, teng teng, kelereng, congkak dan batu seremban boleh dicuba oleh para pengunjung yang ingin mengimbau kenangan silam selain mengenali pelbagai jenis permainan warisan yang semakin dilupakan.

Kemeriahan program cuti sekolah yang berlangsung selama seminggu di Muzium Negara ini telah mendapat sambutan luar biasa daripada pengunjung tempatan dan juga pelancong asing tanpa mengira usia. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan memberikan peluang untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan sambil mengenali sejarah dan warisan negara Malaysia. Semoga program dan aktiviti yang memberikan kenangan dan pengalaman yang menarik kepada pengunjung ini dapat diteruskan kerana impaknya amat positif dalam usaha memperkukuh peranan Muzium Negara sebagai pusat pelancongan dan pendidikan utama di Malaysia.

# Taksidermi Burung Jampuk Kubur (*Tyto alba*)

Oleh: Mohd Ridhuan bin Akhiruddin, Muzium Alam Semula Jadi

Burung jampuk kubur atau nama saintifiknya *Tyto alba* adalah tergolong di dalam keluarga Tytonidae. Burung ini mempunyai bulu berwarna putih pada bahagian dada dan coklat cerah pada bahagian belakang badannya. Bagi sesetengah orang ada yang mengkaitkan burung ini sebagai petanda buruk atau kematian hingga menyebabkan timbulnya perasaan takut untuk mendekati burung tersebut walaupun hanyalah salah faham sahaja. Burung jenis nokturnal ini lazimnya bersaiz panjang antara 35-50cm manakala lebar sayapnya boleh mencecah sehingga 1meter panjang. Burung jampuk kubur boleh ditemui hampir di seluruh dunia pada habitat yang berbeza seperti di kawasan ladang pertanian, tanah lapang dan tanah lembab. Oleh kerana populasi burung ini sangat meluas maka status burung ini telah dianggap sebagai *Less Concern* dalam Senarai Merah IUCN. Namun begitu di Malaysia, burung jampuk ini adalah spesies yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

Burung jampuk kubur ini agak mudah untuk diawet kerana kulitnya tahan lasak serta bulu-bulunya tidak mudah tercabut. Walau bagaimanapun proses pengawetan burung ini perlu dilakukan dengan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang kerosakan yang tidak dingini berlaku. Proses pengawetan kedua-dua burung ini telah mengambil masa selama lima hari untuk disiapkan meliputi proses melapah, cucian bulu, membuat badan tiruan, menjahit dan kemas akhir. Burung yang telah siap diawet sepenuhnya perlu diletakkan kad label yang lengkap dengan maklumat burung tersebut. Kini dua ekor burung sumbangan Jabatan Perlindungan Hidupan, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia itu disimpan rapi dalam repositori Muzium Alam Semula Jadi untuk tujuan rujukan dan pameran pada masa akan datang.



Encik Ali dan sedang melakukan kerja-kerja melapah kulit burung jampuk kubur.



Kulit burung yang telah bersih dan kering perlu diperiksa kondisi bagi memastikan tiada koyakan pada kulit sebelum disarungkan pada badan tiruan.



Kerja-kerja kemas akhir pada bulu-bulu burung dengan menggunakan pengering.



Penulis sedang membentuk semula posisi burung seperti yang diinginkan.

## PAMERAN SEJARAH ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG

Oleh: Hatijah binti Shuib,  
Muzium Arkeologi Lembah Bujang

**LEMAH BUJANG** - Pada 9 November 2024, Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah dijemput untuk mengadakan pameran sempena Karnival STEM dan Hari Terbuka Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sungai Lalang, Sungai Petani, Kedah. Program ini bertujuan memberi peluang kepada para pelajar dan guru untuk memahami serta mengenali dengan lebih dekat peranan muzium dalam bidang arkeologi dan pendidikan.

Karnival ini dihadiri oleh kira-kira 2,600 orang yang terdiri daripada pelajar, guru, kakitangan, waris pelajar, dan komuniti setempat. Selain Muzium Arkeologi Lembah Bujang, beberapa sekolah berhampiran, institusi pengajian awam, serta agensi swasta dan kerajaan turut menyertai karnival ini.

Salah satu tarikan utama program iaitu Pameran Arkeologi Lembah Bujang, yang disertai dengan kuiz berkaitan Lembah Bujang. Pertandingan menulis jawi bertemakan Kemerdekaan Malaysia turut diadakan, melibatkan pelajar-pelajar dan waris mereka yang hadir. Aktiviti ini mendapat sambutan yang sangat baik. Selain itu, terdapat juga gerai jualan yang dikendalikan oleh guru dan kakitangan sekolah.

Empat kakitangan Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang terlibat dalam program ini iaitu Encik Mohd Faudzi bin Sulaiman, Puan Hatijah binti Shuib, Encik Halim bin Buang, dan Encik Nasrol Nizar bin Ellias. Mereka memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan program ini.

Pihak Muzium Arkeologi Lembah Bujang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Guru Besar, guru-guru, kakitangan, dan pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sungai Lalang atas kerjasama dan sokongan yang diberikan sepanjang karnival ini berlangsung.



## Program Outreach Kenali Muzium Alam Semula Jadi di SMK Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur

Oleh: Intan Khafdzrillia binti Fadzri, Muzium Alam Semula Jadi



**KUALA LUMPUR** - Pada 20 Disember 2024, satu program *Outreach* Kenali Muzium Alam Semula Jadi telah diadakan di SMK Bandar Baru Seri Petaling dengan melibatkan seramai 801 orang murid daripada pelbagai tingkatan. Program ini diselitkan dengan pameran koleksi zoologi Muzium Alam Semula Jadi seperti koleksi burung, koleksi mamalia, koleksi reptilia, dan juga koleksi serangga. Penerangan untuk setiap koleksi yang dipamerkan telah diberikan oleh kakitangan muzium dengan memberi penekanan tentang kepentingan memelihara kekayaan kepelbagaian biodiversiti yang ada di negara. Program diakhiri dengan sesi penyampaian sijil penghargaan kepada para peserta. Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai matlamatnya iaitu untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada murid tentang kepentingan menjaga alam semula jadi selain memupuk sikap cintakan khazanah alam semula jadi.

## TEMASYA RENDANG, LEMANG DAN KETUPAT

Oleh: Mohd Jamil bin Haron, Muzium Negara



**KUALA LUMPUR** - Jabatan Muzium Malaysia menerusi Muzium Negara dengan kerjasama Elisa Vision Sdn Bhd telah berjaya mengadakan Temasya Rendang, Lemang dan Ketupat pada 1 hingga 3 November 2024 di Laman Istana Satu, Muzium Negara. Objektif penganjuran program ini untuk mengangkat martabat makanan tradisional masyarakat Malaysia khususnya rendang ke suatu tahap yang lebih tinggi dan seiring dengan perkembangan teknologi makanan pada masa kini. Tamsilnya pada musim perayaan khususnya tidak kira perayaan kaum Melayu, India mahupun Cina, kita akan menikmati hidangan tradisional seperti lemang, rendang, vade, thosai dan kuih bakul di rumah terbuka. Hal ini secara tidak langsung membuktikan masyarakat majmuk di Malaysia telah menyumbang kepada penghasilan pelbagai jenis masakan warisan yang menonjolkan kekreatifan di samping kesenian seperti teknik pembuatan, pembungkusan dan penyajian makanan.

Aktiviti selama tiga hari ini telah berjaya menarik ribuan pelawat hadir untuk sama-sama melihat pelbagai program yang diadakan seperti pertandingan masakan rendang, persembahan kebudayaan, jualan dan demonstrasi rendang, lemang dan ketupat. Penganjuran program ini turut mendapat sokongan daripada pihak pengurusan tertinggi Kementerian Perpaduan Negara dengan kehadiran Yang Berusaha Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha, KPN pada 3 November 2024 dalam sesi *walkabout* dan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan memasak rendang iaitu berupa wang tunai dan plak penghargaan.

Berdasarkan kepada sambutan dan maklumbalas yang diterima daripada orang ramai yang berpuashati, maka berkemungkinan program seumpama ini dapat dilaksanakan pada masa hadapan dengan memperluaskan kerjasama dalam kalangan negara Asean seperti Indonesia. Hal ini sesuai dengan status Malaysia sebagai tuan rumah Kepengerusian ASEAN pada tahun 2025.

## JUALAN BUKU SEMPENA PROGRAM BORNEO ARTS FESTIVAL 2024

Oleh: Sufianah binti Alias, Muzium Labuan

**LABUAN** – Pada 28 & 29 September 2024, Muzium Labuan telah dijemput menyertai reruai pameran dan jualan buku terbitan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bersempena dengan Program Borneo Arts Festival bertempat di ruang legar Convention Hall, Kompleks Ujana Kewangan Labuan. Pelbagai buku terbitan JMM telah dipamerkan dan dijual kepada para pengunjung yang merangkumi buku-buku dalam bidang permuziuman seperti sejarah, kesenian, kebudayaan, konservasi dan sebagainya. Antara judul buku yang telah mendapat sambutan adalah Baju Kurung Busana Sepanjang Zaman, Sejarah dan Kesenian Masyarakat Brunei Sabah, Spesis Marin Beracun, Batik

Sarung; Warisan Kini dan Selamanya serta Katalog Pameran Terokai Hantu; Misteri dan Budaya. Tawaran potongan harga sehingga 50% turut diberikan untuk beberapa judul buku terpilih untuk memberi peluang kepada pengunjung memiliki dan menambah koleksi bacaan dengan harga yang lebih berpatutan.

Program anjuran Perbadanan Labuan ini adalah hasil kerjasama strategik beberapa agensi dari dalam dan luar Wilayah Persekutuan Labuan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka negara Brunei Darussalam, Perpustakaan Desa Kampung Lajau dan Perpustakaan Desa Kampung Sungai Labu, Labuan. Jalinan kerjasama ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan dua hala antara JMM dengan pihak penganjur malah secara tidak langsung memperkasa peranan jabatan ini sebagai agensi pemelihara khazanah sejarah dan budaya negara khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan.



## JOM PAKAI SEMUTAR

Oleh: Zaitun binti Isa, Muzium Tekstil Negara

**KUALA LUMPUR** - Bersempena dengan cuti penggal persekolahan pada 21 September 2024 (Sabtu), Muzium Tekstil Negara (MTN) telah menganjurkan aktiviti pendidikan khas iaitu demostarasi cara pemakaian ikatan semutar. Pelawat berpeluang mencuba beberapa jenis ikatan semutar dengan menggunakan kain batik lepas iaitu ikatan kesum secekek dan ikatan gembala gajah. Aktiviti ini terbuka kepada semua pelawat yang berkunjung ke muzium pada hari berkenaan.

Aktiviti yang diadakan ini bertujuan untuk mengangkat dan memperkenalkan budaya pemakaian semutar dalam masyarakat Malaysia yang cukup sinonim di negeri Pantai Timur iaitu Kelantan dan Terengganu. Semutar merupakan sesuatu yang cukup tinggi nilai falsafahnya. Semutar bukanlah sekadar pakaian semata-mata, ia merupakan kain lepas yang dililit di bahagian kepala yang merupakan struktur badan yang paling utama iaitu otak dan mata. Secara zahirnya ia dapat menahan dan melindungi diri daripada panas dan kemudahan bagi aktiviti seharian si pemakai. Antara kegunaan lain kain ini ialah sebagai pengikat pinggang, bengkong, buat alas solat, kain basahan semasa mandi, senjata, menutup jenazah dan lain-lain lagi. Semutar juga merupakan pakaian lilit kepala bagi golongan bawahan atau rakyat biasa yang tinggal dikampung. Biasanya kain semutar menggunakan ikatan kain lepas, batik dan juga tuala. Pada masa kini pemakaian semutar amat jarang kelihatan terutama bagi generasi baru. Ia hanya kelihatan di pakai oleh warga tua contohnya petani, nelayan, peraih, tukang, penarik beca dan juga pesilat-pesilat pulut dalam majlis-majlis tertentu sahaja. Pemakaian semutar dalam masyarakat di negeri Pantai Timur melambangkan pekerjaan si pemakainya iaitu bersesuaian dengan keadaan dan situasi sesebuah tempat kerja.

Secara kesimpulannya, kain batik lepas ni merupakan pakaian di



negeri pantai timur Semenanjung Malaysia pada zaman dahulu dan juga dijadikan sebagai pakaian harian oleh golongan lelaki atau wanita. Pada asalnya pakaian kepala ini bertujuan untuk mengawal rambut tetapi lama kelamaan cara melilit kepala dengan kain menempuh evolusi serta perkembangan sosio ekonomi dan budaya sehingga menjadi satu kesenian bangsa Melayu yang terkenal. Namun, kini pemakaian semutar amat jarang dan sukar dilihat. Aktiviti ini mendapat sambutan yang baik daripada para pelawat dan semoga usaha yang kecil ini dapat mendidik dan memelihara warisan budaya tempatan yang semakin dilupakan.

## Program Festival ANAK SARAWAK & TEMASYA KUIH 2024

Oleh: Shenna Anak Skem, Muzium Negara



**KUALA LUMPUR** – Program Festival Anak Sarawak & Temasya Kuih 2024 anjuran Persatuan Kepimpinan Perintis Anak Sarawak dengan kerjasama Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah dilangsungkan pada 23 & 24 November 2024 di perkarangan Muzium Negara. Tujuan utama penganjuran festival ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keunikan serta kepelbagaian budaya dan warisan tradisi pelbagai etnik di Sarawak. Pada masa yang sama para pengunjung turut berpeluang menikmati pelbagai jenis kuih tradisional yang menjadi sebahagian daripada identiti Malaysia.

Festival selama dua hari ini menawarkan pelbagai aktiviti menarik seperti persembahan seni budaya, pertandingan *Melodi Irama Sarawak*, pertandingan *Kid's Got Talent* serta pertunjukan fesyen tradisional dengan tema kuih tradisional. Selain itu, turut diadakan pelbagai jualan kraftangan peribumi Sarawak, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak, sesi zumba, permainan tradisional Sarawak, konsert anak muda, serta pameran arca ukir yang mempamerkan keindahan seni tempatan koleksi daripada pengumpul seni tempatan Arts of Borneo dan koleksi milik Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang turut menjadi tarikan utama festival ini.

Festival Anak Sarawak & Temasya Kuih ini merupakan platform untuk generasi muda menonjolkan bakat dan kreativiti mereka dalam pelbagai bidang berteraskan seni dan warisan budaya. Adalah diharapkan agar program ini akan memberi inspirasi kepada mereka agar terus bersemangat dalam mengangkat dan memelihara budaya serta tradisi yang telah diwarisi sejak dahulu.

Festival ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Aaron Ago Anak Dagang, Menteri Perpaduan pada 23 November 2024. Dalam ucapannya, beliau menekankan akan kepentingan memelihara warisan budaya dan memberi sokongan penuh terhadap usaha memperkenalkan tradisi Sarawak kepada masyarakat Malaysia serta memperluas penglibatan komuniti dari Sarawak dalam festival yang akan datang. Beliau juga berharap agar generasi muda akan semakin menghargai kekayaan warisan budaya yang terdapat di negeri Sarawak selain turut menjadi duta bagi memelihara keunikan budaya Malaysia di masa hadapan.

## Jom Main PERMAINAN TRADISIONAL 2024

Oleh: Siti Sarah Samian, Muzium Negara

Permainan tradisional merupakan warisan budaya yang kaya dengan nilai-nilai sejarah, seni dan sosial. Permainan ini bukan sahaja menjadi hiburan tetapi juga memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri serta memperkukuhkan hubungan dalam masyarakat. Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis permainan tradisional yang diwarisi turun-temurun dan masih diamalkan sehingga kini, sebagai contoh permainan congkak, batu seremban, sepak raga dan sebagainya.

Permainan tradisional mempunyai tujuan dan manfaatnya. Permainan ini membantu dalam perkembangan fizikal dan mental pemainnya. Sebagai contoh, permainan sepak raga memerlukan koordinasi mata dan kaki yang baik, manakala permainan batu seremban mengasah kecekapan tangan dan daya tumpuan. Selain itu, permainan tradisional juga mendidik nilai-nilai murni seperti kerjasama, kesabaran, dan semangat kesukanan. Ia juga memperkukuh hubungan kekitaan dan komuniti apabila dimainkan bersama-sama dalam acara-acara tertentu.

Dalam usaha memelihara dan mempopularkan semula permainan tradisional agar ia tidak lenyap ditelan arus pemodenan, Muzium Negara telah menganjurkan program **Jom Main Permainan Tradisional** yang diadakan di perkarangan Muzium Negara, bekkesinambungan dari tahun-tahun sebelumnya. Program ini diadakan pada setiap hari minggu, cuti umum, musim cuti sekolah dan juga melalui program-program Muzium Negara (kecuali pada hari raya pertama dan kedua Aidilfitri dan hari raya pertama Aidiladha). Antara permainan tradisional yang terdapat dalam program ini adalah permainan congkak, batu seremban, ceper, baling selipar, kaki hantu, musang berjanggut dan banyak lagi.



Permainan tradisional adalah khazanah budaya yang perlu dipelihara dan dipertahankan. Dengan memainkan permainan ini, generasi muda dapat mengenali dan menghargai warisan budaya mereka, seterusnya memelihara dan memartabatkannya untuk generasi akan datang. Tambahan pula, dengan usaha yang berterusan, permainan tradisional akan terus hidup, dikenali dan diwarisi bak kata pepatah “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas”.

## PROGRAM KRAFTIFAK : GRAFITI BEG ARTIFAK

Oleh : Hanizan binti Mior Zulkifli, Muzium Tekstil Negara

**KUALA LUMPUR** - Sempena cuti persekolahan pada bulan Disember yang lalu, satu aktiviti yang dinamakan Kraftifak: Grafiti Beg Artifak telah diadakan di Muzium Tekstil Negara (MTN) yang pada 21 Disember 2024. Seramai 89 orang peserta yang terdiri daripada para pelawat tempatan dan luar negara menyertai aktiviti kraftifak tersebut. Program ini bermula pada jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 4.30 petang. Aktiviti ini berbentuk interaktif bersama pelawat dalam memperkenalkan artifak yang dipamerkan di MTN kepada para pelawat.

Antara koleksi yang terpilih bagi pengisian aktiviti kraftifak pada kali ini adalah Batik Kedah, Rantai Manik Karo dan Kasut Manik. Kain Batik Kedah sedang dipamerkan di Galeri Pelangi, manakala koleksi Rantai Manik Karo dan Kasut Manik dipamerkan di Galeri Ratna Sari.

Menerusi aktiviti ini sebuah beg bercetak gambar koleksi Batik Kedah, Rantai Karo dan Kasut Manik, bersama *acrylic marker* disediakan kepada para pelawat. Pengunjung berpeluang memilih antara 3 gambar koleksi yang dicetak di atas beg yang disediakan. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelawat untuk menghasilkan beg artifak yang menarik dengan menghias dan mewarna mengikut kreativiti masing-masing. Selain dapat mengenali koleksi MTN yang terpilih, para pelawat juga berpeluang berkreaitiviti santai dan secara tidak langsung menjadi aktiviti didik hiburan bersama keluarga.

Aktiviti ini mendapat sambutan yang baik daripada para pelawat, mereka teruja dengan hasil kraftifak yang dihasilkan dan berpuas hati dengan lawatan mereka ke muzium diisi dengan aktiviti bermakna. Di samping itu, dapat menambah ilmu baru mengenai koleksi yang dipamerkan di Muzium Tekstil Negara.



## PROGRAM IPIM MUZIUM SUNGAI LEMBING 2024

Oleh: Wahidayu A Wahab, Muzium Sungai Lembing

**KUANTAN, PAHANG** – Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) yang julung-julung kalinya diadakan di Muzium Sungai Lembing pada 03 Disember 2024 (Selasa). Program ini telah disertai seramai 23 orang pelajar tingkatan 3 Kekwa serta Encik Abdul Hadi bin Zainuddin, guru pengiring merangkap Guru Penolong Kanan Kokurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Lembing, Kuantan, Pahang. Hadir sama memberikan sokongan kepada program ini ialah Tuan Pengetua Sekolah iaitu Tuan Haji Mizan bin Awab.

Program IPIM adalah satu program Pendidikan muzium berstruktur yang dilaksanakan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Tujuan program iaitu memperkasakan peranan institusi muzium sebagai sistem sokongan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah. Selain mengetengahkan elemen merentas kurikulum, ia juga dapat memperkuat aspek silang budaya dalam pendidikan di sekolah.

Pelbagai pendekatan dan kaedah telah dilaksanakan oleh pihak Muzium Sungai Lembing termasuklah memberi penerangan jelas tentang konsep dan tujuan IPIM. Taklimat program telah disampaikan oleh Ketua Muzium Sungai Lembing, Encik Peterson Augustine Jadan. Guru Pengiring bersama Encik Abdul Hadi bin Zainuddin turut mengajar peserta untuk Bab Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu sebagai tajuk Pemetaan IPIM kali ini.

Pelajar turut berpeluang mengikuti lawatan berpandu yang dikendalikan oleh Puan Siti Norjunaimah Jamaludin, Penolong Kurator Muzium Sungai Lembing dan merasai pengalaman menyertai aktiviti pengukuhan yang telah disediakan oleh pihak



Muzium Sungai Lembing iaitu aktiviti Win Lose or Draw Game, Radio Rosak dan aktiviti mendulang. Program diteruskan dengan Sesi Refleksi bersama guru dan pelajar, penyampaian cenderahati dan hadiah serta berakhir dengan sesi bergambar. Syabas dan tahniah kepada Tuan Pengetua Sekolah, guru, warga kerja MSL dan semua murid yang terlibat dalam menjayakan program ini.

## MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KHAS DATUK BANDAR KUALA LUMPUR: PENCAHAYAAN BANGUNAN BANDAR RAYA KUALA LUMPUR 2024

Oleh: Siti Sarah Samian, Muzium Negara

**KUALA LUMPUR** - Majlis Penyampaian Anugerah Khas Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi Pencahayaan Bangunan Bandar Raya Kuala Lumpur 2024 telah berlangsung dengan jayanya pada 29 Oktober 2024 di Wyndham Grand Bangsar, Kuala Lumpur. Majlis ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Anugerah ini diadakan khusus sebagai tanda penghargaan kepada pemilik bangunan yang telah berjaya menyerlahkan keindahan bandar raya Kuala Lumpur melalui pencahayaan kreatif dan estetik, terutamanya pada waktu malam sempena Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia.

Sebanyak 50 buah bangunan telah dinilai di bawah beberapa kategori untuk Pencahayaan Bangunan, antaranya adalah kategori Bangunan Bersejarah, Bangunan Teknologi Inovatif, Bangunan Ikonik, Bangunan Hotel dan Pangsapuri Perkhidmatan, Bangunan Komersial, Pusat Membeli-Belah, Bangunan Institusi dan Bangunan Kerajaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 31 buah bangunan telah menerima Anugerah Khas Pencahayaan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

**Muzium Negara** telah dinobatkan sebagai **Bangunan Bersejarah Terbaik** bagi Pencahayaan Bangunan Bandar Raya Kuala Lumpur. Pencahayaan Bangunan Muzium Negara telah mendahului beberapa bangunan bersejarah yang lain dari segi pancaran lampu yang kreatif dan estetik, bertumpu di bahagian mural ikonik bangunan Muzium Negara sekaligus menjadikan Muzium sebagai bangunan bercahaya yang selamat, menarik dan mesra pengunjung. Semoga pencapaian ini turut menjadi aspirasi kepada semua muzium ke arah *liveable* dan *loveable* untuk terus mencipta persekitaran yang cantik, selamat dan lestari.



## LAWATAN KERJA RASMI YB DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH, AHLI PARLIMEN PAYA BESAR KE MUZIUM SUNGAI LEMBING

Oleh: Wahidayu A Wahab, Muzium Sungai Lembing

**KUANTAN, PAHANG** – Sabtu 02 November 2024, YB Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah, Ahli Parlimen Paya Besar bersama isteri beliau telah melawat Muzium Sungai Lembing. Kehadiran beliau diiringi oleh YH Dato' Safariah binti Awang Ngah, Ketua Wanita Umno Bahagian Paya Besar bersama ahli rombongan dan Komuniti Sungai Lembing.

Lawatan beliau dimulakan dengan taklimat dan penerangan mengenai Muzium Sungai Lembing serta sedikit maklumat berkaitan Sungai Lembing dulu dan terkini yang disampaikan oleh Encik Peterson Augustine Anak Augustine Jadan, Ketua Muzium Sungai Lembing. Beliau juga dibawa melawat ke galeri Muzium Sungai Lembing yang memaparkan sejarah Sungai Lembing dan kegiatan perlombongan di Sungai Lembing. Turut dipamerkan di dalam galeri pameran muzium ialah artifak berkaitan perlombongan bijih timah di Sungai Lembing seperti topi pelombong, acuan kayu, pam air, roda kiew dan sebagainya.

Beliau juga dibawa melawat Pameran Khas Muzium Sungai Lembing iaitu Pameran 'Pai Naa' di aras atas bangunan Muzium Sungai Lembing. Di pameran tersebut tetamu kehormat bersama rombongan berpeluang melihat banyak koleksi gambar-gambar lama yang telah disumbangkan oleh Madam Jane Smith iaitu cucu kepada Mr V.B.C. Baker, Pengurus Lombong Bijih Timah Sungai Lembing.

**SHAH ALAM** - Program Hari Keluarga JMM 2024 telah diadakan pada 9 November 2024 di *Wet World Water Parks* sebagai salah satu usaha jabatan untuk memberi motivasi dan menghargai kakitangannya disamping mengeratkan jalinan persahabatan dan kekeluargaan warga jabatan. Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim dalam ucapan aluannya ada menyatakan bahawa program seumpama ini merupakan satu wadah untuk menyatukan dan meningkatkan kerjasama dalam kalangan kakitangan selain saling kenal-mengenal anggota keluarga rakan pejabat yang lain. Penganjuran Hari Keluarga JMM ini telah dijayakan secara bersama oleh PUSPANITA Cawangan Kecil JMM dan juga Persatuan Kebajikan, Sosial dan Rekreasi (PKSR). Seramai 243 orang peserta telah hadir untuk memeriahkan acara termasuk warga jabatan dari muzium-muzium di luar Lembah Klang.

Acara bermula seawal pukul 8.30 pagi dengan bacaan doa sebelum disusuli dengan aktiviti senamrobik dan acara memotong kek sebagai simbolik meraikan hari lahir seluruh warga dan sebagai tanda penghargaan atas sumbangan yang telah diberikan. Pelbagai acara sukaneka telah diatur mengikut kategori dewasa dan kanak-kanak antaranya *Mummy Returns*, Hoki Bola Besar, Kolam Berasid, aktiviti *sand art*, aktiviti mewarna dan permainan *mini carnival*. Kemunculan *Zoe the Seahorse* yang merupakan maskot *Wet World* untuk bergambar dengan para peserta dan kehadiran badut untuk mengagihkannya telah mendapat sambutan yang hangat khususnya di kalangan anak-anak warga yang hadir.

Bagi menambah kemeriahan, turut diadakan pertandingan nyanyian JMM Starz yang menampilkan wakil-wakil setiap kumpulan untuk membuat persembahan dengan iringan *live band* oleh Wak Jeng. Acara kemuncak

pula ialah sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang sukaneka dan cabutan bertuah. Juara keseluruhan telah diungguli oleh Kumpulan Merah dan juga selaku Juara JMM Starz yang diketuai oleh Encik Zainal bin Ariffin dengan ahli-ahlinya iaitu Encik Mohamad Nur' Amin bin Mohamad Rakip, Encik Mohamad Taufik bin Harun, Puan Nur Suhadah binti Rahmat, Puan Nor Salawati binti Abd Kamal, Encik Muhammad Zulkhairil bin Sulaiman, Puan Nur Syaza Ain binti Mohamed Zahari, Encik Azmi bin Mat, Puan Norshidah binti Mohd Mastura, Cik Hartini a/p Anjang, Puan Roseanida binti Abdul Kadir dan Encik Muhamad Isa bin Mohamed Hussein. Pihak urusetia merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan program ini.

## Hari Keluarga Jabatan Muzium Malaysia 2024

Oleh: Nur Suhadah binti Rahmat, Ketua Biro Seranta, Penerbitan dan ICT, PUSPANITA Cawangan Kecil, Jabatan Muzium Malaysia



# Keunikan Sape

## MEMPERKAYA WARISAN MUZIK TRADISIONAL MALAYSIA

Oleh: Muzium Muzik

Sape merupakan alat muzik tradisional berbentuk seperti gitar yang berasal dari kepulauan Borneo iaitu Sarawak dan Kalimantan. Alat muzik ini digunakan oleh etnik Kenyah, Kayan, Iban, Dayak dan Kelabit. Nama sape juga berbeza mengikut etnik sebagai contohnya bagi etnik Kenyah sape lebih dikenali sebagai 'Sambik'. Alat muzik seperti sape juga boleh didapati di beberapa tempat di Asia Tenggara seperti 'Chapey' di Kemboja, 'kacapi' di Indonesia, 'kudyapi' di Mindanao dan 'Kusyapig' di Filipina.

Sape mempunyai bentuk seperti segi empat dan panjangnya berukuran 1 hingga 1.5 meter. Rupanya seperti sebuah perahu turut diukir dengan hiasan motif khas suku kaum Dayak yang berbeza kerana setiap pembuat sape mempunyai corak rekaan mereka yang tersendiri. Corak sape di Sarawak banyak diinspirasi daripada corak 'pokok kehidupan' yang mempunyai kaitan dengan komuniti Orang Ulu di utara Sarawak. Sape tradisional biasanya diperbuat daripada kayu yang berat seperti kayu Sasi Merdang manakala kayu yang ringan seperti kayu Meranti Kuning sesuai digunakan dalam pembuatan sape untuk kanak-kanak. Kayu-kayu lain seperti Geronggang, Ekor Belangkas, Assam, Murus dan Rengas turut menjadi pilihan untuk membuat sape.

Sape merupakan alat muzik lut yang dipetik, dimainkan secara solo dan gubahan muzik sape berbeza mengikut acara keramaian tertentu seperti pesta menuai, perkahwinan dan kelahiran. Alat muzik sape mengeluarkan alunan melodi yang tenang dan mengikut rentak alam kerana gaya hidup masyarakat Dayak

sememangnya begitu dekat dengan alam. Selain dimainkan semasa upacara ritual di rumah panjang, sape juga dimainkan untuk tujuan hiburan dalam majlis-majlis sosial. Alunan muzik sape juga dimainkan untuk mengiringi tari khas kaum Dayak dan juga etnik di kepulauan Borneo pada perayaan seperti Ngajat (tarian semasa menyambut Hari Gawai, sebelum berperang dan selepas musim menuai) dan Datun Julud (juga dikenali sebagai Tarian Burung Enggang) yang menjadi tarian wajib dalam setiap upacara adat Suku Dayak Kenyah.

Keunikan sape sebagai alat muzik tradisional Malaysia jelas sekali telah memperkayakan warisan muzik tradisional di negara ini. Keindahan alunan bunyi sape begitu serasi untuk menggambarkan kekayaan budaya negara kita terutamanya kaum dan etnik di kepulauan Borneo. Koleksi alat muzik sape ini turut dipamerkan di dalam Galeri Muzik untuk segmen Alat Muzik Masyarakat Sarawak sebagai inisiatif bagi mengekalkan sejarah warisan budaya buat rujukan generasi kini dan akan datang.



## HALATUJU TINGGALAN WARISAN SEJARAH SUNGAI LEMBING

Oleh: Wahidayu A Wahab, Muzium Sungai Lembing

Sungai Lembing adalah sebuah pekan kecil yang terletak di kawasan barat laut daerah Kuantan, dahulunya begitu terkenal sebagai tempat pengeluar bijih timah utama di negeri Pahang Darul Makmur. Terdapat beberapa pendapat mengenai bagaimana Sungai Lembing mendapat namanya. Ada yang mengatakan pada masa dahulu ada kisah sebatang lembing yang digunakan untuk menongkah arus deras sungai Kenau dan ada pula pendapat yang mengatakan sekumpulan orang asli memburu kijang dengan lembing namun kijang tersebut jatuh dan hanyut di sungai Kenau. Ada pula pendapat lain yang mengatakan nama Sungai Lembing diberikan oleh pelombong bijih timah yang terawal yang menjumpai kawasan itu.



Lombong Taibeto Sungai Lembing

Pentas Lama Kelab Buruh Sungai Lembing

Apa jua kisah tentang asal namanya, sejarah awal perlombongan bijih timah di Sungai Lembing dikatakan telah bermula sejak tahun 1868 oleh Tok Tangguk yang diusahakan secara tradisional dan sebelum kemudiannya diambil alih oleh pihak Inggeris menerusi *Pahang Consolidated Limited* berdasarkan perjanjian pajakan yang telah diberikan oleh KDYMM Sultan Ahmad Muazzam Shah kepada tauke Baba Ah Sam "Lim Ah Sam" sebagai hadiah perkahwinan. Pajakan tersebut melibatkan kawasan seluas 2,500 batu persegi meliputi Sungai Kuantan, Sungai Triang, Sungai Rompin dan Sungai Endau kepada Syarikat Pahang Company. Kaedah mendulang merupakan kaedah awal dalam perlombongan dan sebelum beralih kepada kaedah perlombongan bijih timah bawah tanah kerana tanah dan batuan adalah keras dan bersesuaian dengan kaedah tersebut. Sebuah perkampungan Inggeris turut dibina di lembah Sungai Kelau bagaikan 'El Dorado' yang melambangkan kekayaan hasil bumi Sungai Lembing ketika itu.

Perlombongan bijih timah Sungai Lembing telah mengecap zaman gemilangnya pada tahun 1920-an, namun kemerosotan pengeluaran bijih timah mulai berlaku semada berlakunya perang dunia ketika itu serta permintaan bijih timah yang menurun menyebabkan syarikat perlombongan lombong bijih timah PCCL di Sungai Lembing akhirnya menutup operasi pada tahun 1986. Kini tinggalan Sungai Lembing masih boleh dikunjungi dan dilihat sendiri oleh semua lapisan masyarakat apabila berkunjung ke Sungai Lembing. Antaranya ialah Lombong Bijih Timah Taibeto, Lombong Kolong Pahat, Jambatan Gantung, Rumah Bungalow Lama European 1 yang kini dijadikan Muzium Sungai Lembing, kayu rel landasan rel lokomotif diesel, pam minyak lama Sungai Lembing dan bangunan-bangunan lama seperti Kelab Buruh Sungai Lembing, Kelab Persatuan Cina Sungai Lembing dan bangunan kayu kedai di pekan Sungai Lembing.

Semoga warisan sejarah yang masih ada di Sungai Lembing ini dapat terus dikekalkan dan dipelihara bersama supaya mampu menjadi sebagai produk pelancongan utama negeri Pahang. Adalah diharapkan juga agar usaha kerajaan negeri Pahang bersama-sama Jabatan Warisan Negara, Majlis Bandaraya Kuantan, Muzium Sungai Lembing serta komuniti di Sungai Lembing untuk menjadikan Sungai Lembing sebagai Tapak UNESCO suatu hari nanti menjadi realiti.



## PINTU GERBANG KACAPURI

Oleh: Suhaimi bin Osman, Muzium Kota Kuala Kedah

Kota Kuala Kedah atau Kota Kuala Bahang dibina semasa zaman pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah semasa baginda menaiki takhta kerajaan negeri Kedah pada tahun 1760. Kota ini dibina untuk mempertahankan negeri Kedah daripada serangan tentera Siam pada masa itu. Terletak di muara sungai Kedah, kota ini berfungsi sebagai benteng pertahanan, pusat kawalan dan pusat perdagangan yang terpenting di rantau ini satu ketika dahulu. Di dalam kota ini terdapat sebuah pintu gerbang atau pintu besar yang terletak di bahagian timur kota menghadap ke Alor Melaka yang dikenali sebagai "Kacapuri".

Pintu gerbang Kacapuri merupakan pintu masuk utama ke dalam kota dan dipercayai bersambung dengan istana pada ketika itu. Reka bentuk kota dan pintu gerbang ini dihasilkan oleh Datuk Maharaja Kadhir (Hafiz Sab) dan telah dibina oleh Maulana Ibrahim Sab iaitu anak saudara Hafiz Sab bersama-sama tenaga buruh dari India.

Kota seluas kira-kira 2 ekar ini siap sepenuhnya pada tahun 1780. Senibinanya mempunyai pengaruh dari Timur Tengah dan India. Mengikut sejarah Kedah, selain daripada menjadi benteng pertahanan, kota ini juga pernah berfungsi sebagai pusat pentadbiran dan pendidikan. Beberapa bangunan pejabat kerajaan, sekolah, mahkamah serta kuarters Syahbandar pernah dibina di dalam kota ini. Akibat perubahan dan peredaran masa, bangunan-bangunan tersebut banyak yang telah runtuh dan kini hanya tinggal sebahagian sahaja tapak bangunan yang masih kelihatan.

Pada tahun 1970, pintu gerbang ini pula telah runtuh dan rosak akibat dipukul ribut. Jabatan Muzium Malaysia (JMM) pada waktu itu yang dikenali sebagai Jabatan Muzium dan Antikuiti telah mengambil inisiatif mendirikannya kembali pada tahun 2000 mengikut rupa dan ukuran yang asal. Manakala sebuah bangunan lama yang dibina semasa zaman Inggeris dijadikan sebagai Muzium Kota Kuala Kedah. Muzium Kota Kuala Kedah telah dibuka kepada orang ramai pada 6 Jun 1999 sebagai Pusat Informasi Kota Kuala Kedah sempena lawatan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Tan Sri Datuk Sri Panglima Haji Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir pada masa itu.



# Menyingkap Sejarah Rangka Paus Baleaenoptera Indica Di Muzium Marin Labuan

Oleh: Mohammed Ali bin Hj. Mohaideen, Muzium Alam Semula jadi

Muzium dan koleksi merupakan elemen penting yang saling melengkapi dalam mendokumentasi dan memelihara warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi sesebuah negara. Sebagai pusat pendidikan, pemeliharaan objek bernilai sejarah, budaya atau saintifik, muzium perlu mempunyai koleksinya sendiri samada artifak arkeologi, etnologi, spesimen, manuskrip dan sebagainya untuk membantu penyampaian dan penceritaan kepada para pengunjung muzium. Tanpa koleksi maka tidak lengkaplah muzium itu. Secara prinsipnya koleksi yang dikumpul harus diselangi dengan maklumat yang jelas dan tepat sebagai nilai tambah terhadap koleksi itu sendiri yang dapat menyalurkan nilai saintifik dan sejarah.

Bercerita tentang koleksi, pada tahun 1892 muzium Raffles di Singapura telah menerima satu koleksi yang paling ikonik dan tidak ternilai harganya pada ketika itu untuk dipamerkan di muzium tersebut iaitu rangka paus spesies *Indian Fin Whale (Baleaenoptera indica)* berukuran 42 kaki yang telah berdamar di Kampung Sa'Batu di Melaka pada 17 Jun 1892. Berita mengenai paus yang terdampar telah menarik perhatian pelbagai pihak ketika itu termasuklah kapten kapal wap British '*Bengkalis*' iaitu Kapten Angus yang dilaporkan telah menaiki bot untuk memeriksa paus tersebut dan mengesahkan spesies itu adalah paus jantan dan telah mati beberapa hari sebelum itu. Nelayan dari Melaka juga mendakwa mereka telah melihat "ikan besar skali" terdampar berhampiran sungai Kessang.

Selain mereka, peristiwa itu turut menarik perhatian Penasihat Residen Melaka, *DPA Harvey* dan Ungku Sulimen dan pembesar lain untuk turun padang dan melihat sendiri bangkai ikan tersebut. Ketika pasukan ini sampai di lokasi, mereka mendapati paus tersebut telah pun mati. Oleh kerana kawasan tersebut sukar untuk dimasuki kerana berlumpur, mereka hanya menganggarkan sahaja panjang ikan paus tersebut adalah kira-kira 44 kaki panjang. Semasa pemeriksaan itu, bangkai telah mengalami proses pereputan hingga menyebabkan kawasan sekitarnya turut diselubungi bau yang amat busuk. Pasukan ini telah dimaklumkan bahawa sebelum mereka tiba di situ, telah ada pegawai lain dari Melaka yang telah membuat pemeriksaan dan maklumat lanjut tentang paus berkemungkinan telah diperolehi lebih awal.




Rangka tulang paus yang dipamerkan di Muzium Marin Labuan



Rangka paus di galeri zoologi, *Raffles Museum Singapore* pada tahun 1907






Keratan akhbar: The Malay Mail May 8, 1974



Keratan akhbar : The Straits Times : May 4 1974



Cadangan lakaran .yang dihasilkan oleh Encik Amran bin Abdullah, Unit Ilmu Kejadian bagi pengisian pameran di Muzium Marin Labuan pada tahun 1998

Menurut laporan yang diterbitkan dalam *Guide to the Zoological Of The Raffles Museum Singapore* oleh R.Hanitsch (1908:13) menyatakan bahawa ada pagar dibina di sekeliling paus yang terdampar itu bagi menghalang ikan paus itu berenang semula ke dalam laut apabila air pasang. Terdapat juga pendapat lain yang menyatakan bahawa pagar tersebut berkemungkinan dibina untuk mengelakkan bangkai paus hanyut semula ke laut semasa kerja-kerja pembersihan bangkai tersebut. Laporan turut menyatakan paus ini bergelut selama seminggu dan telah mengeluarkan bunyi yang kuat seperti lembu jantan selama tiga hari sebelum ikan itu mati (1908:13). DPA Harvey telah mengarahkan kerja-kerja pembersihan dan tulang-tulang ikan tersebut dihantar ke Muzium Raffles. Namun akibat kekurangan dan keterbatasan ruang pameran pada ketika itu telah menyebabkan tulang paus ini tidak dapat dipamerkan dan terpaksa disimpan di repositori selama 15 tahun. Pembukaan bangunan baru muzium Raffles pada tahun 1907 telah membolehkan skeleton ikan paus tersebut dipamerkan kepada umum. Bahagian-bahagian tulang yang hilang "missing bones" seperti skapula, tulang jari, beberapa tulang belakang dan tulang rusuk telah dibuat replika dengan menggunakan kayu dan 'plaster of paris' sebelum keseluruhan rangka tersebut telah digantung dengan 'rope steel' dari siling atas. Kepakaran dan

pengalaman ketua taksidermi, Valentine Knight telah merealisasikan impian R. Hanitsch, Pengarah Muzium Raffles untuk mempamerkan rangka paus yang kemudiannya telah menjadi fenomena dan koleksi pameran paling ikonik di galeri zoologi. Kevin Y.L Tan dalam bukunya *The Story of Singapore's Natural History Museum* (2016:48) menyatakan;

.....When unveiled, it was undoubtedly 'the most striking exhibit in the zoological gallery'. The museum now had on display a specimen of the world's largest creature in its galleries.

Sejak dipamerkan pada 1907 dan spesimen ikonik ini sering dikunjungi oleh pelawat tempatan dan luar negara. Namun segalanya berubah pada bulan Mei 1974 apabila Muzium Negara Singapura menutup galeri pameran koleksi sejarah alam semula jadi, koleksi tersebut diserahkan kepada Pusat Sains Singapura. Kemudian Pusat Sains Singapura telah menyerahkan rangka paus ikonik ini sebagai hadiah kepada Muzium Negara, Kuala Lumpur dan sebagai balasannya pihak Muzium Negara perlu melatih staf dari *Singapore Museum Technicians* dalam bidang pembuatan model dan replika spesimen untuk pameran berdiorama.

Tuan Syed Jamaludin bin Syed Sulong, Pemangku Kurator, Bahagian Ilmu Kejadian, Muzium Negara pada masa itu telah menggalas tanggungjawab

untuk membuat kerja-kerja penilaian dan pembungkusan spesimen tersebut. Rangka paus telah dibuka kepada tiga bahagian dan telah dihantar ke Kuala Lumpur menggunakan lori sebelum rangka tulang paus itu dipamerkan di dewan tengah, Muzium Negara. Selang beberapa tahun, timbul idea penubuhan sebuah muzium yang berkonsepkan pameran hidupan laut mula dirancang oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti pada awal tahun 1990-an, namun penubuhan muzium itu hanya dapat direalisasikan pada tahun 2000 apabila Perbadanan Labuan menawarkan tapak dan bangunan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. Kerja-kerja pengisian Muzium Marin telah bermula pada Ogos 2001 dan siap sepenuhnya pada Julai 2002 yang kemudiannya telah dirasmikan oleh YB. Dato' Paduka Abdul Kadir B. Sheikh Fadzil, Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan Malaysia pada 26 Januari 2003. Salah satu tarikan utama muzium itu adalah rangka paus yang dipindahkan dari Muzium Negara pada tahun 2002 yang terus menjadi tarikan utama Muzium Marin Labuan sehingga kini. Koleksi skeleton mamalia berusia lebih 132 tahun dengan nombor pendaftaran JMM-MAS-Z-MML 486 ini adalah dibawah jagaan dan selenggaraan oleh Muzium Alam Semula Jadi ini telah diwartakan sebagai Objek Warisan Kebangsaan pada 8 Januari 2024 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005.



Dari Kiri: Encik Abdul Ghani, Encik Saiful Basri, Encik Amran Abdullah dari Unit Ilmu



Tema Sambutan pada tahun ini ialah “Al-Falah Pemacu Malaysia Madani” yang dimanifestasi daripada inti pati ajaran Rasulullah S.A.W. Tema ini sangat signifikan bagi memacu umat di negara ini ke arah kejayaan hakiki dunia dan akhirat. Tujuan perarakan sambutan Maulidur Rasul ini diadakan bagi mengingati kelahiran junjungan dan sirah Nabi Muhammad S.A.W. Natijah daripada perasaan kecintaan terhadap Rasulullah S.A.W. tinggi di harap dapat menjentik perasaan untuk lebih taat dan ingin mencontohi baginda dan berbangga dengan baginda sebagaimana Allah memuji baginda di dalam Al-quran yang berbunyi “*Sesungguhnya Engkau mempunyai akhlak yang mulia*”. Secara tidak langsung majlis ini bertujuan untuk mengajak warga jabatan sama-sama memperingati Rasulullah dengan berselawat dan menyantuni sikap, budi pekerti dan amalan-amalan baginda dalam kehidupan masing-masing.

Usai perarakan dan selawat, majlis diteruskan dengan sesi ceramah oleh Ustaz Zul Ramli bin Mohamad Razali bertajuk “Model Keluarga Muslim Berteraskan Akhlak Rasulullah S.A.W”. Antara isi utama dalam ceramahnya, Ustaz Zul menekankan betapa pentingnya mengingati sirah Nabi Muhammad S.A.W. disamping mengambil iktibar daripada pengorbanan Rasulullah dan rasa kecintaan baginda Rasulullah terhadap umatnya. Pada akhir program turut diacarakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Bercerita Kisah Nabi anak-anak warga jabatan anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Muzium Malaysia serta penyampaian cenderamata kepada penceramah. Turut diselitikan reruai jualan buku dari Syarikat Telaga Biru dan House of Arabic Books di ruang lobi jabatan.

**KUALA LUMPUR** - Pada 3 Oktober 2024 (Khamis), PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Muzium Malaysia melalui Biro Agama dan Kebajikan dengan kerjasama Surau Al-Falah, Persatuan Kebajikan, Sosial & Rekreasi (PKSR) dan AKRAB telah menganjurkan majlis sambutan Maulidur Rasul sempena menyemarakkan bulan Rabiulawal 1446H/2024M. Acara dimulakan dengan perarakan sambil berselawat warga jabatan bersama-sama pengurusan tertinggi bermula dari tangga pintu utama Muzium Negara hingga ke auditorium.



**PERSIDANGAN TAHUNAN AGAMA PUSPANITA**

Oleh: Azlina binti Ariffin, Biro Agama PUSPANITA JMM

**PUTRAJAYA** - Pada 6 November 2024, Persidangan Tahunan Agama anjuran PUSPANITA Kebangsaan tahun 2024 telah diadakan di Puspanitapuri, Putrajaya. PUSPANITA Kementerian, Agensi dan Jabatan seluruh negara telah berkampung bagi menghadiri persidangan ini termasuk PUSPANITA dari Kementerian Perpaduan Negara. PUSPANITA Jabatan Muzium Malaysia turut menghantar 2 orang wakil Biro Agama dan Kebajikan bagi menghadiri Persidangan pada kali ini.

“Instrumen Hibah dalam Perancangan Harta” merupakan tema persidangan yang menjadi platform bagi membincangkan cabaran-cabaran utama yang dihadapi dalam pengurusan harta pusaka Islam terutamanya yang berkaitan dengan hibah. Hibah juga merupakan amalan mulia yang dianjurkan dalam agama. Memetik hadis daripada Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari mafhumnya “..saling berhadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling sayang menyayangi..”. Persidangan ini telah banyak memberi pendedahan tentang kepentingan dan

manfaat hibah dalam perancangan pengurusan harta kerana hibah mampu menyelesaikan beberapa pertikaian berkaitan harta pusaka. Terdapat 3 tajuk yang menjadi perbincangan di dalam persidangan ini iaitu;

- i) Rahsia Hibah, Pensyarah, Pusat Kajian Syariah Universiti Kebangsaan
- ii) Konsep Hibah: Dari Teori Ke Praktik dari Bank Islam, Tabung Haji dan Amanah Raya Berhad
- iii) Hibah dan Hak Wanita: Kesedaran & Keadilan, MAIS dan Peguam Syarie

Persidangan tahunan ini diakhiri dengan pembentangan resolusi persidangan yang dibentangkan oleh YBhg. Dato’ Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Ketua Pengarah JAKIM. Majlis Perasmian Penutupan persidangan ini kemudiannya telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara merangkap Penasihat PUSPANITA Kebangsaan.

## PROGRAM DISIPLIN KENDIRI RIDE TO CAMERON HIGHLANDS

ANJURAN PERSATUAN KEBAJIKAN, SOSIAL DAN REKREASI (PKSR)

Oleh: Yusri bin Jaafar



PKSR

Persatuan Kebajikan, Sosial dan Rekreasi (PKSR), Jabatan Muzium Malaysia melalui Biro Sukan dan Rekreasi telah mengadakan Program Disiplin Kendiri *Ride to Cameron Highlands* pada 23 & 24 November 2024. Seramai 20 orang kakitangan Jabatan Muzium Malaysia merangkap ahli PKSR telah menyertai program ini yang melibatkan konvoi bermotorsikal.

Konvoi ini bermula dari ibu pejabat Jabatan Muzium Malaysia ke Cameron Highlands melalui Lebuhraya Utara-Selatan dan jalan lama Tapah – Cameron Highlands. Terdapat beberapa lokasi *check point* yang ditetapkan untuk berhenti supaya ahli-ahli konvoi ini dapat dipastikan selamat selain dapat dibantu sekiranya ada yang mengalami masalah semasa perjalanan. Antara lokasi *check point* yang terlibat ialah RnR Rawang, RnR Tapah, Air Terjun Lata Iskandar dan Cameron Valley Tea. Para peserta seterusnya mendaftar masuk di inap desa

untuk berehat sebelum meneruskan aktiviti riadah di sekitar pekan Tanah Rata dan Brinchang. Keesokan harinya, selepas selesai bersarapan di Kampung Taman Sedia, para peserta konvoi memulakan perjalanan balik ke destinasi masing-masing tanpa sebarang masalah.

Program sebegini diharapkan akan dapat memupuk semangat kekrabatan (*togetherness*) serta rasa kekitaan (*sense of belonging*) dalam kalangan warga Jabatan Muzium Malaysia khususnya yang terlibat menyertai konvoi ini. Selain itu, menerusi aktiviti permotoran ini juga para peserta mampu membina tahap disiplin diri yang terbaik selain meningkatkan lagi tahap produktiviti dalam menjalankan tugas masing-masing.

## Program Santai Joran JMM @Sea Lion 2024

Oleh: Yusri bin Ja'afar

**KLANG** - Program Santai Joran JMM@Sea Lion 2024 anjuran Persatuan Kebajikan, Sosial dan Rekreasi (PKSR) JMM telah berlangsung pada 14 Disember 2024 bertempat di Kolam Sea Lion, Pelabuhan Klang. Program ini bertujuan mengeratkan ukhwah di kalangan kakitangan JMM merangkap ahli PKSR dalam melakukan aktiviti riadah yang sihat serta sebagai ruang untuk saling kenal-mengenal. Aktiviti yang bermula awal pagi melibatkan petugas dan urus setia dalam penyediaan sarapan serta pendaftaran peserta. Program kali ini turut mendapat kerjasama daripada AKRAB JMM dalam menyediakan makanan tengah hari yang dimasak secara langsung bersama-sama kakitangan yang lain.

Acara pertandingan dimulakan dengan sesi taklimat urus setia disusuli ucapan daripada YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Penaung Persatuan Kebajikan, Sosial dan Rekreasi merangkap Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia. Sejurus selepas itu, beliau melakukan flag off dengan membunyikan air hon, menandakan pertandingan dimulakan dari jam 10.00 pagi hingga 1.00 petang. Program kali ini telah disertai seramai hampir 70 penyertaan, melibatkan kakitangan dan pesara JMM, ahli keluarga serta rakan-rakan.

YBs Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) berjaya menaikkan ikan pertama iaitu spesies kaci. Acara semakin meriah apabila para peserta lain turut berjaya menaikkan beberapa ekor ikan pelbagai spesies dan berat yang berbeza. Pelbagai ragam peserta dapat dilihat dalam mencuba nasib selama 3 jam bertarung di kolam air masin tersebut. Tepat jam 1.00 petang, air hon dibunyikan sekali lagi menandakan pertandingan ditamatkan.



Sesi penyampaian hadiah Juara, Naib Juara dan Tempat Ketiga telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Ketua Pengarah bersama pegawai-pegawai kanan JMM. Hadiah sampingan turut diberikan kepada beberapa kategori iaitu Peserta Paling Sporting, Peserta Cilik, Peserta Paling Bergaya, Peserta Paling Kepoh dan Pemenang Ikan Terbanyak. Tahniyah kepada semua pemenang dan peserta yang pulang dengan hadiah cabutan bertuah.

# PERISYTIHARAN OBJEK WARISAN 2024 KATEGORI WARISAN KETARA MELALUI AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005

## GERABAK KERETA API BERKEMBAR

Gerabak Berkembar berusia lebih 120 tahun yang masih kekal terpelihara di bawah penyelenggaraan Jabatan Muzium Malaysia. Gerabak ini adalah sebahagian daripada cerminan sejarah pengangkutan kereta api di Malaysia.

Gerabak kereta api ini merupakan antara yang pernah digunakan dalam operasi pengangkutan kereta api di antara bandar Taiping ke Port Weld dalam abad ke 19. Gerabak kereta api ini telah dibina pada tahun 1897 oleh Syarikat Metropolitan Railway Carriage & Wagon Company, Builder Saltley Works, Birmingham, England.

Taiping merupakan pusat bandar pentadbiran awal kolonial British yang pesat dengan pelbagai aktiviti ekonomi terutamanya aktiviti perlombongan bijih timah. Kepesatan aktiviti perlombongan bijih timah dan pembangunan di bandar Taiping telah menyumbang kepada perkembangan pengangkutan kereta api. Keretapi telah digunakan sebagai alat perhubungan oleh pegawai-pegawai Inggeris untuk pergi dari satu destinasi ke destinasi lain dan juga membawa hasil bijih timah ke pelabuhan untuk dieksport.

### CIRI CIRI

**Bersaiz Lebar: 7 Kaki, Panjang: 23 Kaki dan Berketinggian: 10 Kaki**

Gerabak kembar ini gabungan kelas 1 dan kelas 2. Digunakan untuk membawa pegawai tertinggi British, Sultan dan orang kenamaan ke majlis perasmian landasan baru atau majlis rasmi kerajaan. Mampu membawa 8 orang penumpang di bahagian kelas 1 dan 10 orang penumpang di bahagian kelas 2 pada satu - satu masa.

Gerabak ini juga pernah dijadikan sebagai *Inspection Saloon* iaitu gerabak penyelamat untuk penumpang kelas atasan jika berlaku insiden kereta api tergelincir. Mempunyai satu ruang khas di atas bahagian bumbung yang berfungsi untuk komunikasi semasa menyelamatkan penumpang jika berlaku kemalangan. **Kini gerabak seumpama ini hanya terdapat satu sahaja di Malaysia.**

### KELAS 1 ADA 8 TEMPAT DUDUK

Penumpang terdiri daripada

1. Gabenor Negeri - Negeri Selat
2. Isteri Gabenor
3. Residen
4. Isteri Residen
5. Sultan
6. Pengurus Besar Kereta Api
7. 2 Tempat duduk khas untuk pegawai British

### KELAS 2 ADA 10 TEMPAT DUDUK

Penumpang terdiri daripada

1. Tauke - Tauke Cina  
Lombong Bijih Timah
2. Golongan Bangsawan
3. Pegawai Pengurusan Kereta Api

### Sumber Rujukan:

- Perak State Railway Journal
- Perak Government Gazette 1891
- KTM Berhad
- Buku Seabad Keretapi di Malaysia

Pada asalnya gerabak ini di tempatkan di Stesen Kereta Api Ipoh, Perak. Apabila bermulanya projek pembinaan Landasan Keretapi Berkembar dari Rawang ke Ipoh maka stesen Ipoh turut melalui fasa pengubah suaian dan naik taraf. **Gerabak ini telah diserahkan oleh pihak KTMB kepada Muzium Perak pada tahun 2004 melalui Jabatan Muzium dan Antikuiti, Malaysia.**



## TEKATAN CIUR / TIKAR CIUR

Tekatan ciur benang emas ini dihasilkan sendiri oleh Tengku Permaisuri Che Uteh Mariah binti Haji Sulaiman isteri kedua Sultan Perak iaitu Sultan Idris Murshidul Azzam Shah (1887-1916). Tengku Permaisuri mempunyai kemahiran kreatif untuk reka cipta motif dan menghasilkan bahan seni tekatan.

Seni sulaman tekat ini juga di kenali dengan nama *sujitimba* (tekat suji timbul). Merupakan hasil koleksi seni tekatan agong Masyarakat Melayu golongan istana khususnya di Negeri Perak dan amnya di Tanah Melayu. Digunakan sebagai alas duduk atau perhiasan dinding. Pada masa dahulu seni tekatan ini dipelopori oleh golongan istana sebagai pakaian dan juga perhiasan istana.

### Ciri-ciri koleksi:

- Tekatan ini merupakan karya seni terbaik Tengku Permaisuri Che Uteh Mariah binti Haji Sulaiman
- Keseluruhan permukaan lapisan atas ditekat dengan benang emas. Motif reka corak berinspirasi alam semula jadi dan empat segi sama.
- Mempunyai lima lapisan dasar yang mungkin bermaksud mewakili 5 rukun islam.
- Bahan asas dasar setiap lapisan diperbuat daripada daun mengkuang atau pandan dan disaluti dengan kain sutera dan baldu yang dihiasi dengan sulaman benang emas Berusia 120 tahun.

Koleksi ini telah diperolehi semasa Leonard Wray Junior sebagai Kurator Muzium Perak (1883-1903).

**Tekatan ciur seumpama ini pernah di hadiahkan oleh Sultan Perak kepada Prince and Princess of Wales semasa lawatan ke Singapore pada tahun 1901.**

Gambar Ilustrasi oleh: Mr. Leonard Wray Junior

### Rujukan:

1. Twentieth Century Impressions of British Malaya 1908
2. Oriental Silverwork Malay and Chinese: With over 250 Original Illustrations 1910
3. Buku Asian Embroidery 2004



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

**SISTEM PERMOHONAN  
PENYELIDIKAN MUZIUM**  
*MUSEUM RESEARCH APPLICATION*

# MUSRA

Layari :

<https://www.musra.jmm.gov.my>

Hubungi kami :

**Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi**

☎ 03-2267 1000

samb. 343/ 344/ 198/ 104

✉ [research.jmm@gmail.com](mailto:research.jmm@gmail.com)



# Muzium Kita Tamadun Kita



Galeria Perdana



Muzium Adat



Muzium Arkeologi Lembah Bujang



Muzium Chimney



Muzium Diraja



Muzium Etnologi Dunia Melayu



Muzium Kota Johor Lama



Muzium Kota Kayang



Muzium Kota Kuala Kedah



Muzium Labuan



Muzium Lukut



Muzium Marin



Muzium Matang



Muzium Negara



Muzium Automobil Nasional



Muzium Perak



Muzium Seni Bina



Muzium Seni Kraf Orang Asli



Muzium Sg Lembing



Muzium Tekstil Negara



Galeri Muzik